





# PENDEDAHAN *agenda* KRISTIAN



NASKHAH PERCUMA

PENDEDAHAN *agenda* KRISTIAN



MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

PENDEDAHAN  
*agenda*  
KRISTIAN

Cetakan Pertama 2014

© Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia  
Penerbitan

Data Pengkatalogan-dalam-

PENDEDAHAN agenda KRISTIAN

ISBN 978-983-2381-05-1

1. Christianity 2. Missions

3. Theology, Doctrinal

248.4

Penerbitan:

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Tingkat 9, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah

Seksyen 5

40000 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5514 3752

Faks: 603-5512 4042

E-Mel: [pro@mais.gov.my](mailto:pro@mais.gov.my)

Laman web: [mais.gov.my](http://mais.gov.my)

Dicetak oleh:

Percetakan IWC Sdn Bhd

Tel: 603-9172 5803

Faks: 603-9172 1290

## KANDUNGAN

<i>Kata Aluan</i>	<i>v</i>
<i>Pengenalan</i>	<i>vii</i>
Bab 1 : Dalil-Dalil Nas Tentang Sikap Sebenar Kristian	1
Bab 2 : Ketetapan Undang-Undang Bersabit Gerakan Evangelisme	17
Bab 3 : Realiti Semasa Yang Berlaku Berkaitan Agenda Kristian	29
Bab 4 : Agenda Kristian: Satu Sorotan	55
Bab 5 : Cadangan Penyelesaian dan Tindakan Untuk Menangani Agenda Kristian	109



## KATA ALUAN

*A*lhamdulillah, segala puji bagi Allah, Maha Suci Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW pembawa hidayah dan rahmat bagi seluruh alam.

Syukur ke hadrat Allah kerana dengan izinNya MAIS dapat menerbitkan buku *Pendedahan Agenda Kristian* untuk rujukan dan panduan umat Islam khususnya di negeri Selangor. Penerbitan buku ini merupakan salah satu tanggungjawab MAIS untuk memperkasa dan menjaga agama Islam di bumi Selangor. Masyarakat Islam khususnya di negeri Selangor perlu diberikan pendedahan dan kefahaman berkaitan gerakan kristianisasi dan evangelisme. Ancaman gerakan ini perlu diberi perhatian demi mempertahankan akidah murni umat Islam. Usaha memurtadkan umat Islam dengan agenda dan strategi halus oleh pelbagai gerakan yang wujud sama ada dalam atau luar negara perlu diberi perhatian. Umat Islam perlu sedar, ini adalah satu usaha dan gerakan tersusun untuk melemahkan umat Islam.

Penulisan buku ini berdasarkan dalil nas al-Qur'an dan hadis yang disebutkan dalam bab yang pertama. Dalil-dalil nas ini memberi petunjuk kepada umat Islam tentang sikap sebenar golongan Nasrani dan Kristian terhadap Islam. Setelah memahami pasak asas daripada dalil nas, buku ini turut menerangkan tentang aspek perundangan dan ketetapan bersabit gerakan kristianisasi dan evangelisme. Berdasarkan teras perundangan ini, umat Islam boleh membuat perkaitan bahawa agenda memurtadkan umat

Islam boleh dikira sebagai mencemar ketetapan perlembagaan yang mengiktiraf Islam sebagai Agama Persekutuan. Selepas memahami tunjang asas dari segi nas dan perundangan, buku ini membawa pembaca memuhasabah realiti semasa yang berlaku berkaitan agenda Kristian ini. Renungan terhadap realiti dan kes-kes yang berlaku ini penting untuk mencetus kesedaran dan memberi gambaran bahawa gerakan kristianisasi benar-benar wujud dan ia bukan hanya omong kosong pihak tertentu sahaja. Perincian daripada cetusan kesedaran tersebut diteruskan lagi tentang pendedahan sebenar apa yang dirangka oleh gerakan kristianisasi. Adakah ia hanya gerakan kecil atau berupa gelombang tsunami yang secara senyap menyerang umat Islam? Pembaca boleh menilai sendiri daripada fakta yang diketengahkan. Secara keseluruhannya, apa yang paling penting, buku ini mengajak umat Islam untuk berfikir dan merenung jauh dengan hati yang jernih dan tulus tentang kesan gerakan kristianisasi dan evangelisme terhadap masa depan akidah umat Islam. Justeru, umat Islam perlu membentuk kesatuan fikrah dan kesatuan amal serta mengambil pegangan yang utuh dan membulatkan iltizam untuk menghadapi cabaran ini.

Saya menganjurkan agar buku ini dijadikan rujukan penting untuk umat Islam di negeri Selangor dalam menghadapi isu gerakan kristianisasi. Perkongsian ilmu dan maklumat serta pembinaan fikrah penting untuk memperkasa jati diri umat. Marilah sama-sama kita memperteguhkan tekad untuk mempertahankan akidah umat Islam daripada sebarang usaha jahat gerakan yang dengki dan hasad dengan kesucian agama Islam. Semoga Allah membantu kita dalam mempertahankan agamaNya.

Sekian, wassalam.

Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa  
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor

## PENGENALAN

*B*uku pendedahan agenda Kristian ini diterbitkan untuk rujukan dan kefahaman umat Islam berkaitan gerakan kristianisasi dan evangelisme Kristian. Sejak akhir-akhir ini, isu kristianisasi semakin hangat diperkatakan dan yang menyedihkan ia melibatkan kes murtad oleh umat Islam. Masalah murtad adalah satu jenayah besar dalam Islam dan ia mencemarkan kesucian agama ini. Tindakan memurtadkan umat Islam walau dengan apa alasan sekalipun adalah sesuatu perkara yang tidak wajar. Ia menggugat hak dan prinsip agama ini. Jenayah ini ibarat menculik anak orang lain dari rumah mereka dan mengajarkan kepada anak itu bahawa ibubapa mereka tidak benar. Justeru, satu inisiatif perlu diambil untuk membendung masalah ini.

Penulisan buku ini bukan bertujuan untuk mengajak umat Islam membenci agama Kristian. Buku ini berusaha untuk menghuraikan perkara dan elemen gerakan kristianisasi yang wajar diberi perhatian oleh umat Islam. Hasilnya umat Islam perlu meningkatkan jati diri mereka sekaligus memantapkan amalan agama mereka. Buku ini juga mengajak seluruh umat Islam bersatu padu mempertahankan akidah dan kesucian agama yang direndah oleh Allah ini. Tingkatkan kewaspadaan dan keprihatinan anda terhadap isu ini.

Semoga Allah melindungi usaha kita untuk mempertahankan dan menjaga kesucian agamaNya.



## BAB 1 : DALIL-DALIL NAS TENTANG SIKAP SEBENAR KRISTIAN

Bab ini memaparkan dalil-dalil nas ayat al-Qur'an dan hadis Rasulullah SallaLlahu 'Alayhi Wasallam (SAW) berserta ulasan ringkas mengenai sikap sebenar golongan Nasrani atau Kristian terhadap Allah Subhanahu Wa Ta'ala (SWT), Rasulullah SAW dan Islam. Walaupun terdapat perbezaan pentakrifan antara istilah Nasrani dan Kristian, umat Islam perlu jelas pendirian bahawa hanya Islam sebagai *ad-Din* di sisi Allah SWT dan agama lain tidak diterima olehNya. Kristian adalah kelompok yang lahir daripada acuan Nasrani. Syariat Islam adalah agama *samawi* terakhir yang membawa rahmat dan ajaran yang syumul menggantikan ajaran Nasrani. Hanya Islam yang diterima dan diredhai Allah sebagai agama dan cara hidup umat manusia akhir zaman.

Pemahaman dan pengiktibaran daripada dalil-dalil nas yang disenaraikan di bawah ini penting untuk difahami dan dijadikan panduan teras oleh umat Islam dalam berhadapan dengan golongan ini. Justeru, mesti difahami bahawa umat Islam perlu sentiasa berhati-hati dengan tindak tanduk golongan Kristian kerana dalil-dalil nas telah jelas memberi peringatan tentang penolakan mereka terhadap Islam. Umat Islam juga perlu mengelak daripada terjebak dalam perangkap samar yang sentiasa dipasang oleh pihak yang mengambil kesempatan menanggung di air yang keruh untuk memecahbelahkan kesatuan umat yang akhirnya menguntungkan golongan Kristian secara tidak langsung.

## A. Dalil Ayat Al-Qur'an

❖ Firman Allah yang bermaksud :

*Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): "Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam) itulah petunjuk yang benar". Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh daripada Allah (sesuatupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepadamu.*

(Surah Al-Baqarah 2 : 120)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang sikap dendam golongan Yahudi dan Nasrani yang selama-lamanya tidak akan redha dengan Islam dan umatnya selagi tidak berada di bawah telunjuk mereka.

❖ Firman Allah yang bermaksud :

*Banyak di antara Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) suka kalaulah kiranya mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir setelah kamu beriman, kerana dengki yang timbul daripada diri mereka sendiri, sesudah nyata kepada mereka kebenaran (Nabi Muhammad SAW). Oleh itu, maafkanlah dan biarkanlah oleh kamu (akan mereka), sehingga Allah datangkan perintahNya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

(Surah Al-Baqarah 2 : 109)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang sikap dengki golongan ini terhadap orang Islam yang membawa kepada usaha mereka untuk menjadikan umat Islam kufur terhadap Allah. Kemaafan yang diberikan dalam ayat ini bukan untuk umat Islam berdiam diri. Umat Islam mesti terus berwaspada dan menangani dengan bijaksana. Jika sampai ke tahap menyeru kepada kekufuran, maka umat Islam mesti bertindak.

❁ Firman Allah yang bermaksud :

*Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata pula: "Tidak sekali-kali akan masuk Syurga melainkan orang-orang yang beragama Yahudi atau Nasrani". Yang demikian itu hanyalah angan-angan mereka sahaja. Katakanlah (wahai Muhammad): "Bawalah ke mari keterangan-keterangan yang (membuktikan kebenaran) apa yang kamu katakan itu, jika betul kamu orang-orang yang benar".*

(Surah Al-Baqarah 2 : 111)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang sikap Nasrani yang angkuh mengaku dengan angan-angan bahawa mereka masih beriman sedangkan mereka telah kufur serta Allah mencabar mereka membuktikan angan-angan mereka itu dengan dalil yang benar walhal mereka sama sekali tidak mampu untuk membuktikannya.

❁ Firman Allah yang bermaksud :

*Dan mereka (kaum Yahudi dan Nasrani) berkata: "Jadilah kamu pemeluk agama Yahudi atau pemeluk agama Nasrani, nescaya kamu akan mendapat petunjuk". Katakanlah (wahai*

*Muhammad): "Kami orang-orang Islam tidak akan menurut apa yang kamu katakan itu) bahkan kami mengikut agama Nabi Ibrahim yang tetap di atas dasar tauhid, dan bukanlah ia daripada orang-orang musyrik".*

(Surah Al-Baqarah 2 : 135)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang keperluan umat Islam menolak dakyah dan usaha ajakan Yahudi dan Nasrani untuk turut sama dalam kesesatan mereka.

❁ Firman Allah yang bermaksud :

*Katakanlah (wahai Muhammad): "Patutkah kamu (wahai kaum Yahudi dan Nasrani) membuat bantahan terhadap kami mengenai pilihan Allah dan pengurniaanNya? Padahal Dialah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami (faedah) amal kami dan bagi kamu pula (faedah) amal kamu (kalau diikhhlaskan) dan kami adalah (mengerjakan amal dengan) ikhlas kepadaNya."*

(Surah Al-Baqarah 2 : 139)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang usaha hujah dan pembuktian kebenaran oleh Yahudi dan Nasrani yang ditempelak oleh Allah SWT.

❁ Firman Allah yang bermaksud :

*Atau patutkah kamu mengatakan, bahawa Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail, dan Nabi Ishak, dan Nabi Yaakub beserta anak-anaknya, mereka semua adalah orang-orang Yahudi atau Nasrani, (padahal agama mereka telahpun ada sebelum adanya agama Yahudi atau agama Kristian itu)? Katakanlah (wahai*

*Muhammad): "Adakah kamu yang lebih mengetahui atau Allah? Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyembunyikan keterangan (saksi dan bukti) yang telah diberikan Allah kepadanya?" Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang telah kamu lakukan.*

(Surah Al-Baqarah 2 : 140)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang sikap Yahudi dan Nasrani yang menyembunyikan keterangan sebenar serta usaha mereka untuk memutar belit fakta dan bukti demi menyesatkan manusia.

❧ Firman Allah yang bermaksud :

*Dan demi sesungguhnya! Jika engkau bawakan kepada orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan Kitab, akan segala keterangan (yang menunjukkan kebenaran perintah berkiblat ke Kaabah itu), mereka tidak akan menurut kiblatmu, dan engkau pula tidak sekali-kali akan menurut kiblat mereka; dan sebahagian daripada mereka juga tidak akan menurut kiblat sebahagian yang lain. Demi sesungguhnya! Kalau engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang kepadamu pengetahuan (yang telah diwahyukan kepadamu), sesungguhnya engkau, jika demikian, adalah daripada golongan orang-orang yang zalim.*

(Surah Al-Baqarah 2 : 145)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang sikap ego dan degil kelompok ini terhadap perintah kebenaran serta perpecahan yang berlaku di kalangan mereka selain amaran Allah untuk umat Islam agar tidak mengikut hawa nafsu kesesatan Yahudi dan Nasrani.

❁ Firman Allah yang bermaksud :

*Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang Kami berikan Kitab itu mengetahui serta mengenalinya (Nabi Muhammad dan kebenarannya) sebagaimana mereka mengenal anak-anak mereka sendiri. Dan sesungguhnya sebahagian daripada mereka berusaha menyembunyikan kebenaran itu, sedang mereka mengetahui (salahnya perbuatan yang demikian).*

(Surah Al-Baqarah 2 : 146)

**Ulasan : Penegasan Allah tentang sikap degil, bongkak, angkuh dan menyembunyikan kebenaran oleh golongan Yahudi dan Nasrani terhadap kerasulan Nabi Muhammad SAW.**

❁ Firman Allah yang bermaksud :

*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.*

(Surah A-li 'Imraan 3 : 19)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang hasad dengki golongan Yahudi dan Nasrani terhadap Islam sehingga mereka sanggup menolak kebenaran Islam walaupun sebenarnya mereka sendiri telah menyadari akan kebenaran tersebut.

❖ Firman Allah yang bermaksud :

*Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu taat akan sesuatu puak daripada orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir sesudah kamu beriman.*

(Surah A-li 'Imraan 3 : 100)

**Ulasan :** Peringatan Allah tentang usaha jahat Yahudi dan Nasrani yang berusaha menjerumuskan umat Islam ke lembah kekufuran dan larangan Allah untuk tidak menuruti serta mentaati mereka agar tidak terpengaruh dengan tipu daya mereka.

❖ Firman Allah yang bermaksud :

*Mereka (kaum Yahudi dan Nasrani) tidak sekali-kali akan membahayakan kamu, kecuali menyakiti (perasaan kamu dengan ejekan dan tuduhan yang tidak berasas). Dan jika mereka memerangi kamu, mereka akan berpaling lari membelakangkan kamu (kalah dengan sehina-hinanya); sesudah itu mereka tidak akan mencapai kemenangan.*

(Surah A-li 'Imran 3 : 111)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang sikap Yahudi dan Nasrani yang sentiasa mengejek dan membuat tuduhan tidak berasas yang menjejaskan kesucian agama Islam.

❁ Firman Allah yang bermaksud :

*Wahai Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar; sesungguhnya Al Masih Isa ibni Maryam itu hanya seorang pesuruh Allah dan kalimah Allah yang telah disampaikanNya kepada Maryam, dan (ia juga tiupan) roh daripadaNya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasulNya, dan janganlah kamu mengatakan: "(Tuhan itu) tiga". Berhentilah (daripada mengatakan yang demikian), supaya menjadi kebaikan bagi kamu. Hanyasanya Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa, Maha Suci Allah daripada mempunyai anak. Bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan cukuplah menjadi Pengawal (Yang Mentadbirkan sekalian makhlukNya).*

(Surah An-Nisa' 4 : 171)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang sikap Yahudi dan Nasrani yang melampaui batas dalam menyekutukan Allah dan menyebarkan sesuatu yang tidak benar dalam ajaran mereka.

❁ Firman Allah yang bermaksud :

*Dan di antara orang-orang yang berkata: "Bahawa kami ini orang-orang Nasrani", Kami juga telah mengambil perjanjian*

setia mereka, maka mereka juga melupakan (meninggalkan) sebahagian dari apa yang diperingatkan mereka dengannya, lalu Kami tanamkan perasaan permusuhan dan kebencian di antara mereka, sampai ke hari kiamat; dan Allah akan memberitahu mereka dengan apa yang telah mereka kerjakan.

(Surah Al-Maidah 5 : 14)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang ancaman keras terhadap golongan Nasrani yang memungkirkan janji mereka untuk menyucikan keesaan Allah dan meneruskan keimanan kepada kerasulan Nabi Muhammad SAW. Sebagai balasan, Allah menimbulkan perpecahan di kalangan mereka dan kedustaan mereka akan diazab di hari akhirat.

❁ Firman Allah yang bermaksud :

Orang-orang Yahudi dan Nasrani berkata: "Kami adalah anak-anak Allah dan yang amat disayangiNya". Katakanlah (wahai Muhammad): "(Kalau betul demikian), maka mengapakah Ia menyiksa kamu dengan sebab dosa-dosa kamu? (Sebenarnya bukanlah sebagaimana yang kamu dakwakan) bahkan kamu semuanya adalah manusia biasa di antara manusia-manusia lain yang diciptakanNya. Ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan serta hukum syariatNya), demikian juga Ia menyiksa sesiapa yang dikehendakiNya. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, dan kepada Allah jualah tempat kembali".

(Surah Al-Maidah 5 : 18)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang sikap ego dan menunjuk-nunjuk golongan Yahudi dan Nasrani yang merasakan diri mereka sebagai kelompok terpilih yang lebih baik berbanding manusia lain.

❁ Firman Allah yang bermaksud :

*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai pelindung/pemimpin/penjaga, kerana setengah mereka menjadi pelindung/pemimpin/penjaga kepada setengahnya yang lain; dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka pelindung/pemimpin/penjaganya, maka sesungguhnya ia adalah daripada golongan mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim.*

(Surah Al-Maidah 5 : 51)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang larangan mengambil golongan Yahudi dan Nasrani sebagai pelindung/pemimpin/penjaga kerana mereka saling bersekongkol antara satu sama lain dalam mensyirikkan Allah.

❁ Firman Allah yang bermaksud :

*Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu daripada orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar "jizyah" dengan keadaan taat dan merendah diri.*

(Surah At-Taubah 9 : 29)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang sikap kedegilan Yahudi dan Nasrani yang tidak mahu beriman dan melakukan penyelewengan. Pendustaan mereka perlu diperangi dan dibanteras sehingga tunduk dan patuh pada kepemimpinan/pemerintahan Islam dan membayar jizyah iaitu cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam sebagai imbuhan kepada keselamatan diri mereka.

❖ Firman Allah yang bermaksud :

*Dan orang-orang Yahudi berkata: "Uzair ialah anak Allah" dan orang-orang Nasrani berkata: "Al-Masih ialah anak Allah". Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri, (iaitu) mereka menyamai perkataan orang-orang kafir dahulu; semoga Allah binasakan mereka. Bagaimanakah mereka boleh berpaling daripada kebenaran?*

(Surah At-Taubah 9 : 30)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang sikap Yahudi dan Nasrani yang mencemari kesucian dan keesaan Allah. Kesyirikan mereka ini dijanjikan kebinasaan oleh Allah.

❖ Firman Allah yang bermaksud :

*Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah,*

*maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.*

(Surah At-Taubah 9 : 34)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang sikap pendeta dan ahli agama Yahudi dan Nasrani yang sentiasa berperanan untuk menyesatkan manusia dari beriman kepada Allah.

❁ Firman Allah yang bermaksud :

*Orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) serta orang-orang musyrik, tidak akan meninggalkan (agamanya) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas nyata.*

(Surah Al-Bayyinah 98 : 1)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang sikap golongan Yahudi dan Nasrani yang berpegang teguh dengan ajaran mereka dan perlu ditangani dengan bukti kebenaran Islam yang jelas lagi nyata. Namun, jika telah dibawa kepada mereka bukti-bukti kebenaran Islam mereka masih menolaknya, maka mereka adalah sejahat-jahat makhluk.

❁ Firman Allah yang bermaksud :

*Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi kitab (Taurat dan Injil) itu, tidak berpecah-belah melainkan setelah datang kepada mereka bukti yang jelas nyata.*

(Surah Al-Bayyinah 98 : 4)

**Ulasan :** Penegasan Allah tentang golongan Yahudi dan Nasrani yang bersatu padu dalam kekufuran mereka tetapi kesepaduan mereka boleh diatasi dengan hujah, dalil dan bukti kebenaran Islam yang kukuh.

## B. Dalil Hadis Rasulullah SAW

❖ Daripada Abu Sa'id al-Khudri RA berkata :

*Bahawasanya Rasulullah S.A.W. bersabda, "Kamu akan mengikuti jejak langkah umat sebelum kamu, sejangkal demi sejangkal, sehasta demi sehasta, sehingga jikalau mereka masuk ke lubang biawak pun akan kamu mengikuti mereka". Sahabat bertanya, "Ya Rasulullah! Apakah Yahudi dan Nasrani yang kau maksudkan?" Nabi SAW. menjawab, "Siapa lagi kalau bukan mereka".*

(Riwayat Muslim)

**Ulasan :** Peringatan Rasulullah SAW tentang agenda jahat golongan Yahudi dan Nasrani yang sentiasa berusaha memperdaya dan menyesatkan umat Islam sehingga mengikut jejak langkah mereka. Hadis ini juga melarang umat Islam dari mengikut jejak langkah Yahudi dan Nasrani.

❖ Daripada Abu Hurairah RA katanya:

*Rasulullah SAW bersabda: "Demi Tuhan yang diri Muhammad dalam kekuasaanNya. Tidak ada seseorang pun daripada umat manusia ini sama ada Yahudi atau Nasrani yang mendengar akan perihalku (menjadi utusan Allah),*

*kemudian dia mati sedang dia tidak beriman dengan (agama Islam) yang aku diutuskan membawanya melainkan ia tergolong sebagai ahli neraka”.*

(Riwayat Muslim)

**Ulasan :** Penegasan Rasulullah SAW tentang kebenaran kerasulannya yang diingkari oleh golongan Yahudi dan Nasrani.

❖ Daripada Jabir RA daripada Rasulullah SAW :

*(Mengenai peristiwa) ketika Umar datang mengadap Baginda SAW, lalu berkata : "(Ya Rasulullah) kami ada mendengar cerita-cerita dan nasihat pengajaran yang menarik hati dari orang-orang Yahudi, maka bagaimana fikiran tuan, bolehkah kami menulis sebahagian daripadanya?" (Mendengar yang demikian) Baginda SAW bersabda, "Adakah kamu merasa ragu, serba salah (dalam ajaran agama kamu) sebagaimana kaum Yahudi dan Nasrani yang telah ragu-ragu dan merab-raba (dalam ajaran agama mereka)? Demi sesungguhnya! Aku telah membawa kepada kamu agama Islam dengan keadaannya yang jelas nyata dan bersih suci (dari sebarang perkara syirik dan penyelewengan) dan kalaulah Nabi Musa masih hidup lagi, (sudah tentu) tidak ada jalan lain baginya selain daripada menurutku."*

(Riwayat Ahmad dan Baihaqi)

**Ulasan :** Amaran Rasulullah SAW kepada umat Islam agar tidak mudah terpengaruh dan terpesona dengan Yahudi dan Nasrani serta baginda menggambarkan sifat golongan itu yang ragu-ragu dengan agama mereka sendiri yang membawa mereka kepada penyelewengan.

❖ Daripada Umar al-Khattab RA :

*Bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: “Janganlah kamu melampau-lampau memuji sebagaimana Nasrani melampau-lampau memuji Isa Ibn Maryam. Aku hanya hamba Allah. Maka katakanlah: Hamba Allah dan rasulNya.”*

(Riwayat Bukhari)

**Ulasan :** Larangan Rasulullah SAW memuji baginda secara keterlaluan sebagaimana yang dilakukan oleh golongan Nasrani terhadap Nabi Isa 'Alayhissalam (AS) yang mengatakan bahawa Nabi Isa AS adalah anak Allah.

❖ Daripada Aisyah RA :

*Rasulullah SAW bersabda, “Laknat Allah kepada orang Yahudi dan Nasrani yang menjadikan kuburan Nabi mereka sebagai masjid”.*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

**Ulasan :** Peringatan Rasulullah SAW terhadap sifat Yahudi dan Nasrani yang menolak kerasulan baginda Rasulullah SAW mengetengahkan sifat sebahagian daripada mereka yang menyembah nabi-nabi mereka.

### C. Kesimpulan Keseluruhan :

Nasrani (Kristian) adalah musuh Islam yang sentiasa berniat jahat serta memaparkan sikap negatif kepada umat Islam.

Nasrani (Kristian) adalah pembawa berita pendustaan dan mereka sentiasa berusaha menyelewengkan fakta tentang kebenaran ajaran Islam.

Nasrani (Kristian) akan berusaha sehabis mungkin untuk menimbulkan rasa sakit hati di kalangan umat Islam.

Jalan keluar dari usaha dakyah Nasrani (Kristian) ialah dengan berhujah kepada mereka mengenai kebenaran Islam di samping memantapkan keimanan kepada Allah dan Rasulullah SAW.

Umat Islam mestilah bersikap tegas dan berhati-hati terhadap Nasrani (Kristian) serta tidak taat dan tidak menjadikan mereka sebagai pelindung/pemimpin/penjaga.

Jika umat Islam alpa terhadap peranan hujah kebenaran dan ragu-ragu dengan Islam, mereka akan mudah terpengaruh dengan tipu daya Nasrani (Kristian).

## BAB 2 : KETETAPAN UNDANG-UNDANG BERSABIT GERAKAN EVANGELISME

Bab ini memaparkan undang-undang dan fatwa yang telah diwujudkan untuk mengekang gerakan evangelisme. Maklumat di dalam bab ini penting sebagai panduan asas segi aspek perundangan di samping membantu memahami isu serta implikasi pelanggarannya.

Sebelum mengulas lebih lanjut mengenai ketetapan perundangan, elok difahami terlebih dahulu secara ringkas gambaran umum evangelisme. Gerakan ini merupakan salah satu dari beberapa ciri-ciri mazhab gereja seperti Evangelical, Pentecostal, Methodist, Anglican, Katolik, Lutheran, Presbyterian dan separa gereja. Gerakan evangelisme di bawah mazhab Evangelical memfokuskan usaha penyebaran agama Kristian melalui pelbagai cara dan pendekatan termasuk usaha yang bersifat ofensif. Perkataan evangelisme berasal dari kata kerja *evangelise* yang bermaksud penyebaran pengetahuan mengenai berita gembira. Gerakan usaha evangelisme ini menuntut komitmen yang tinggi dalam diri pendakwah Kristian, persiapan yang rapi segi fizikal, mental dan rohani serta strategi pendekatan yang betul. Di Malaysia, usaha ini paling aktif digerakkan oleh pertubuhan *Graduate Christian Fellowship* yang mempunyai institusi bertaraf kebangsaan yang dikenali sebagai *National Evangelical Christian Fellowship*.

Perbincangan seterusnya dalam bab ini akan menyenaraikan elemen perundangan di Malaysia yang menghalang gerakan evangelisme Kristian ke atas masyarakat Islam.

### A. Pengawalan Dari Aspek Perlembagaan Persekutuan

❁ Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyebut :

*Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.*

**Ulasan :** Islam adalah agama Persekutuan yang merupakan agama utama di antara agama-agama lain di negara ini. Islam BUKAN SETARAF dengan agama lain. Tidak wujud prinsip kesamarataan agama apabila Islam dijamin dalam Perlembagaan sebagai agama Persekutuan. Tetapi ini tidak menafikan hak penganut agama lain untuk mengamalkan agama mereka.

❁ Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan menyebut :

*Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.*

**Ulasan :** Penegasan kuasa Perlembagaan Persekutuan yang menjadi pengikat dan batas pada kebebasan mengembangkan agama, gerakan evangelisme, penyebaran kepercayaan atau doktrin agama lain di kalangan umat Islam.

- ❖ Senarai II (Senarai Negeri) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan menyatakan :

*...; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam ;...*

**Ulasan :** Peruntukan kuasa kepada negeri-negeri untuk menguatkuasakan undang-undang untuk mengawal dan menyekat penyebaran agama lain di kalangan umat Islam.

## **B. Pengawasan Dari Aspek Majlis Fatwa Kebangsaan**

Secara spesifiknya, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan beberapa fatwa yang berkait secara langsung tentang larangan penyebaran agama bukan Islam kepada orang Islam, larangan yang menyebabkan kekeliruan di kalangan umat Islam serta larangan umat Islam menyertai aktiviti yang mempunyai kaitan dengan agama lain khususnya Kristian. Berikut adalah beberapa fatwa yang berkaitan :

- ❖ Fatwa Hukum Menulis Dan Menerbit Bahan-Bahan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Al-Qur'an, Hadis Beserta Pandangan-Pandangan Agama Lain (Cina, Buddha, Hindu, Sikh Dan Kristian) :

*Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Menulis Dan Menerbit Bahan-Bahan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Al-Qur'an, Hadis Beserta Pandangan-Pandangan Agama Lain (Cina, Buddha, Hindu, Sikh Dan Kristian). Muzakarah telah memutuskan bahawa menulis dan menerbit bahan-bahan yang mengandungi ayat-ayat al-Qur'an, Hadis beserta pandangan-*

*pandangan agama lain (Cina, Buddha, Hindu, Sikh dan Kristian) adalah dilarang kecuali pandangan Islam dan ayat-ayat al-Qur'an serta Hadis diasingkan daripada agama lain dan agama Islam perlu mendominasi keseluruhan penerbitan tersebut.*

**Ulasan :** Larangan menghasilkan bahan penerbitan yang mengandungi pandangan pelbagai agama yang dicampuradukkan dengan al-Qur'an dan Hadis termasuk penerbitan evangelis yang berbentuk ofensif dan kontekstualisasi.

❁ **Fatwa Hukum Menggunakan Barangan Yang Mempunyai Lambang Agama Lain :**

*Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Menggunakan Barangan Yang Mempunyai Lambang Agama Lain. Muzakarah telah memutuskan bahawa orang Islam adalah dilarang menggunakan barangan yang mempunyai lambang agama lain seperti salib sekiranya lambang-lambang tersebut dinyatakan secara zahir dan jelas.*

**Ulasan :** Larangan penggunaan dan pemakaian simbol agama lain di kalangan umat Islam.

❁ **Fatwa Hukum Orang Islam Menyambut Perayaan Valentine's Day :**

*Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada*

22-24 November 2005 telah membincangkan Hukum Orang Islam Menyambut Perayaan Valentine's Day. Muzakarah berpandangan bahawa ajaran Islam amat mengutamakan kasih sayang dan tidak ada hari tertentu di dalam Islam bagi meraikannya.

Oleh itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa amalan merayakan Valentine's Day tidak pernah dianjurkan oleh Islam. Roh perayaan tersebut mempunyai unsur-unsur Kristian dan amalannya yang bercampur dengan perbuatan maksiat adalah bercanggah dan dilarang oleh Islam.

**Ulasan :** Larangan merayakan atau melakukan aktiviti yang mempunyai unsur-unsur Kristian yang bercanggah dengan Islam.

❖ Fatwa Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah :

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-82 yang bersidang pada 5-7 Mei 2008 telah membincangkan Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah. Muzakarah telah memutuskan bahawa lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam lain. Oleh itu wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Ulasan :** Larangan penggunaan nama Allah oleh agama bukan Islam adalah berasaskan faktor akidah, hak dan kesucian nama Allah serta agama Islam. Larangan ini bermatlamat menjaga umat Islam dari usaha evangelisme dan dakyah Kristian yang mahu menggunakan nama Allah untuk mengelirukan umat Islam dan membuka peluang pada pendekatan bahawa semua agama adalah sama.

### C. Pengawalan Oleh Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988, Negeri Selangor

Suatu Enakmen untuk mengawal dan menyekat pengembangan iktikad dan kepercayaan-kepercayaan ugama bukan Islam di kalangan orang-orang yang menganuti ugama Islam.

BAHAWASANYA Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang Negeri boleh mengawal dan menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan ugama antara orang-orang yang menganut ugama Islam.

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang dikehendaki supaya diperbuat suatu undang-undang untuk mengawal dan menyekat pengembangan iktikad dan kepercayaan-kepercayaan ugama bukan Islam di kalangan orang-orang yang menganuti ugama Islam.

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

**Seksyen 1** : Tajuk ringkas.

**Seksyen 2** : Tafsiran.

**Seksyen 3** : Kriteria bagi memutuskan sama ada seseorang itu orang Islam.

**Seksyen 4** : Kesalahan memujuk, mempengaruhi, atau menghasut orang beragama Islam supaya mengubah keimanan.

**Seksyen 5** : Kesalahan mendedahkan orang belum dewasa beragama Islam kepada pengaruh agama bukan Islam.

**Seksyen 6** : Kesalahan mendekati orang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai agama bukan Islam.

**Seksyen 7** : Kesalahan menghantar atau menyerahkan terbitan-terbitan mengenai apa-apa agama bukan Islam kepada orang beragama Islam.

**Seksyen 8** : Kesalahan membahagikan di tempat awam terbitan mengenai agama bukan Islam kepada orang beragama Islam.

**Seksyen 9** : Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan-perkataan dan perbahasan tertentu yang bersumber Islam.

**Seksyen 10**: Tauliah untuk menjalankan kuasa-kuasa pegawai bertauliah.

**Seksyen 11**: Kesalahan boleh tangkap dan kes boleh tangkap.

**Seksyen 12**: Kuasa untuk menyiasat dan menangkap.

**Seksyen 13**: Kuasa untuk memerintah saksi-saksi hadir.

**Seksyen 14**: Pemeriksaan saksi.

- ❖ Seksyen 4; Kesalahan Memujuk, Mempengaruhi, Atau Menghasut Orang Beragama Islam Supaya Mengubah Keimanan menyatakan :

*Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia memujuk, mempengaruhi atau menghasut seseorang yang beragama Islam -*

- a. supaya cenderung kepada mana-mana agama bukan Islam; atau*
- b. supaya menjadi penganut atau anggota mana-mana agama bukan Islam; atau*
- c. supaya meninggalkan atau tidak suka kepada agama Islam.*

**Ulasan** : Perincian tujuan aktiviti memujuk, mempengaruhi atau menghasut yang mempunyai kaitan dengan usaha yang dilakukan oleh gerakan *evangelisme*.

- ❖ Seksyen 5; Kesalahan Mendedahkan Orang Belum Dewasa Beragama Islam Kepada Pengaruh Agama Bukan Islam menyatakan :

*Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia menyuruh, menyebabkan, memujuk, mempengaruhi, menghasut, menggalakkan atau membiarkan seorang belum dewasa yang beragama Islam supaya -*

- a. menerima ajaran dalam mana-mana agama bukan Islam; atau*
- b. supaya menyertai apa-apa istiadat, perbuatan menyembah atau aktiviti keagamaan mana-mana agama bukan Islam; atau*

- c. *mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti yang dijalankan untuk faedah mana-mana ugama bukan Islam atau yang dianjurkan atau dikelolakan oleh apa-apa badan atau institusi yang bertalian dengan mana-mana ugama bukan Islam.*

**Ulasan :** Larangan pengembangan agama bukan Islam di kalangan kanak-kanak dan kelompok belum dewasa Islam melalui apa-apa wasilah, program atau aktiviti.

- ❖ Seksyen 6; Kesalahan Mendekati Orang Islam Untuk Mendedahkannya Kepada Apa-Apa Ucapan Atau Pertunjukan Sesuatu Mengenai Ugama Bukan Islam menyatakan :

*Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia -*

- a. *mengunjungi; atau*
- b. *mengatur atau berusaha mengadakan suatu perjumpaan dengan; atau*
- c. *dengan apa-cara lain pun menghubungi,*

*seorang beragama Islam bagi maksud mendedahkan orang beragama Islam itu kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai ugama bukan Islam.*

**Ulasan :** Larangan kepada orang bukan Islam melakukan apa-apa tindakan yang boleh mendedahkan umat Islam kepada ajaran bukan Islam.

- ❖ Seksyen 7; Kesalahan Menghantar Atau Menyerahkan Terbitan-Terbitan Mengenai Apa-Apa Ugama Bukan Islam Kepada Orang Beragama Islam menyatakan :

*Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia -*

- a. dari dalam Negeri menghantar atau menyerahkan atau menyebabkan dihantar atau diserahkan kepada seorang beragama Islam di dalam atau di luar Negeri; atau*
- b. dari luar Negeri menghantar atau menyebabkan dihantar atau diserahkan kepada seorang beragama Islam di dalam Negeri,*

*apa-apa terbitan atau bahan iklan mengenai apa-apa ugama bukan Islam yang tidak diminta oleh penerima itu.*

**Ulasan :** Larangan menghantar atau mengirim bahan penerbitan berunsur agama bukan Islam kepada umat Islam.

- ❖ Seksyen 8; Kesalahan Membahagikan Di Tempat Awam Terbitan Mengenai Ugama Bukan Islam Kepada Orang Beragama Islam menyatakan :

*Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia, dalam masa membahagikan di suatu tempat awam apa-apa terbitan mengenai ugama bukan Islam, dengan sengaja menyerahkan salinan atau salinan-salinan terbitan itu kepada seorang beragama Islam.*

**Ulasan :** Larangan mengedarkan risalah atau bahan penerbitan berunsur agama bukan Islam kepada umat Islam di tempat awam.

- ❖ Seksyen 9; Kesalahan Berhubung Dengan Penggunaan Perkataan-Perkataan Dan Perbahasan Tertentu Yang Bersumber Islam menyatakan :

*Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia -*

- a. dalam apa-apa tulisan yang diterbitkan; atau*
- b. dalam apa-apa ucapan atau pernyataan awam; atau*
- c. dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang ditujukan kepada mana-mana perhimpunan orang; atau*
- d. dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang diterbitkan atau disiarkan dan yang pada masa ucapan atau pernyataan itu dibuat dia tahu, atau munasabahnya patut tahu ianya akan diterbitkan atau disiarkan,*

*menggunakan mana-mana perkataan yang disenaraikan dalam Bahagian I kepada Jadual, atau apa-apa perkataan terbitan atau variasinya, untuk menyatakan atau memperihalkan sesuatu fakta, kepercayaan, idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara atau hal mengenai atau berkaitan dengan sesuatu agama bukan Islam.*

**Ulasan :** Larangan menggunakan perkataan atau perbahasan yang dinyatakan dalam Bahagian I kepada Jadual (Seksyen 9) ini dalam apa-apa situasi bagi menghuraikan sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama bukan Islam.

#### D. Kesimpulan Keseluruhan

Hak Islam sebagai agama Persekutuan yang tidak sama rata dengan agama lain.

Kuasa Perlembagaan Persekutuan menetapkan larangan penyebaran ajaran agama lain di kalangan umat Islam.

Kuasa Negeri yang dijamin Perlembagaan Persekutuan untuk menetapkan undang-undang mengawal dan menyekat penyebaran agama lain di kalangan umat Islam.

Larangan terhadap penghasilan sebarang inisiatif untuk mengelirukan umat Islam oleh penganut atau misionari agama lain.

Larangan segi undang-undang terhadap penggunaan perkataan atau perbahasan tertentu yang bersumber Islam untuk menjaga kepentingan umat Islam dari usaha dakyah dan strategi penyebaran agama lain di kalangan umat Islam.

## BAB 3 : REALITI SEMASA YANG BERLAKU BERKAITAN AGENDA KRISTIAN

Bab 3 ini akan menerangkan tentang realiti semasa yang berlaku di dalam negara Malaysia kini hasil agenda yang didukung oleh gerakan Kristian. Perbincangan dalam bab ini akan dimulakan dengan paparan ringkas gejala murtad di Malaysia dan diikuti faktor usaha kristianisasi sebagai punca murtad. Ulasan seterusnya ialah merangkumi sorotan ringkas beberapa kisah murtad terpilih.

### A. Gejala Murtad Di Malaysia


Murtad dikategorikan sebagai satu jenayah berat di dalam Islam. Ia mencemar kesucian dan kemuliaan Islam. Segi syarak, perkataan murtad yang berasal dari “*riddah*” dalam bahasa Arab diberi pengertian berikut;

Seorang muslim *mukallaf* yang keluar dari agama Islam sama ada dengan kepercayaan, perkataan atau perbuatan, dengan kehendaknya sendiri.

Banyak perkara yang menyebabkan seseorang itu menjadi murtad. Ia boleh meliputi sebarang iktikad, perbuatan dan juga perkataan. Setiap individu muslim disarankan supaya menjauhkan diri dari melakukan perbuatan-perbuatan yang

boleh menyebabkan dirinya menjadi murtad dari agama Islam.

Mengikut hukum syarak, pesalah murtad boleh dikenakan hukuman bunuh. Namun begitu, terdapat banyak perbincangan ulama berkaitan hukuman ini. Kesimpulan para ulama setelah menilai nas al-Qur'an dan Hadis, maka murtad terbahagi kepada dua (2) jenis:



Pengkategorian ini menjadikan hukuman yang dikenakan juga berbeza mengikut situasi. Kategori pertama iaitu murtad dan memerangi Islam, pesalahnya dikenakan hukuman bunuh. Manakala kategori kedua pula, perlu pada kaedah pujuk dan ajak kembali kepada Islam semula. Golongan kedua ini wajar diberi penerangan agar menghayati semula ajaran Islam. Proses ini disebut sebagai minta bertaubat.

Isu murtad di kalangan umat Islam di Malaysia telah sampai ke tahap kritikal malah dikhuatiri semakin bertambah setiap hari. Gejala ini memberi gambaran kepada kita bahawa semakin ramai umat Islam telah terpesong daripada ajaran Islam sebenar selain kekuatan umat Islam di Malaysia semakin tergugat oleh pelbagai anasir dalaman atau luaran. Jenayah ini perlu diberi perhatian dan diambil tindakan pencegahan oleh kerajaan dan seluruh umat Islam memandangkan ia dikira sebagai jenayah berat dalam Islam.

Gelombang murtad ini dapat dirasai berdasarkan maklumat, ulasan, perkongsian dan pendedahan yang dilakukan di pelbagai arus media. Pembongkaran yang dilakukan ini bukan hanya dakwaan kosong. Ia disokong oleh fakta daripada pihak berwajib. Antara simptom yang diketengahkan yang mengalami peningkatan mendadak adalah seperti berikut :

- Permohonan murtad
- Permohonan tukar nama asal Melayu-Islam
- Peminggiran cara hidup Islam oleh golongan saudara baru
- Permohonan balik ke agama asal oleh golongan saudara baru

Antara faktor utama yang menjadi punca kepada berlakunya gejala murtad ini ke atas seorang muslim adalah seperti berikut:

- Faktor dalaman



- Faktor luaran



Statistik yang pernah diketengahkan berkaitan dengan gejala murtad di Malaysia :

- ❖ Jawapan Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Parlimen pada tahun 2011 apabila ditanya tentang kes murtad di Malaysia

NEGERI	KES MURTAD (2000 - 2010)	
	PERMOHONAN	KELULUSAN
Sabah	238	67
Negeri Sembilan	172	33
Selangor	99	-
Wilayah Persekutuan	56	10
Perak	47	12
Pulau Pinang	36	1
Melaka	12	3
Pahang	8	7
Johor	8	-
Kedah	5	1
Perlis	3	1
Sarawak	1	-
Terengganu	1	-
Kelantan	-	-

Statistik ini adalah berdasarkan kes yang dilaporkan secara rasmi. Kita tidak dapat mengukur sejauh mana dahsyatnya masalah ini tanpa kita menyelami tahap keseriusannya.

Murtad adalah satu dosa yang amat besar di sisi Allah dan ia mencemarkan kemurnian Islam. Di dalam gejala yang semakin menular ini, wujud satu lagi situasi tragis yang menyedihkan. Ada satu penyakit di mana terdapat segelintir orang Islam yang tidak lagi sensitif kepada isu orang Islam

yang mahu murtad. Ada yang hanya memandang sebelah mata seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku. Malah ada pula yang mendukung usaha "memudahkan" orang Islam murtad. Kononnya usaha mereka atas nama kebebasan beragama. Ada juga yang menjunjung fahaman liberal dan berusaha menyamakan kedudukan Islam sebaris dengan agama lain.



Di sebalik senario yang membarah ini, musuh Islam terus menggandakan usaha gerakan dan dakwah mereka. Seolah-olah mengambil kesempatan dari kelalaian dan kelemahan jatidiri umat Islam. Fikiran mereka sentiasa menerjah bertubi-tubi mencari cara bagaimana untuk terus menyesatkan umat Islam.

## B. Kristianisasi Adalah Salah Satu Faktor Berlakunya Bencana Murtad

Berdasarkan kes-kes murtad yang didedahkan kepada umum, agama-agama berikut menjadi pilihan untuk dianuti oleh Muslim di Malaysia yang murtad :

- Hindu
- Buddha
- Kristian

Masalah murtad ke agama Hindu dan Buddha dikenal pasti banyak berlaku disebabkan faktor perkahwinan dan percintaan secara rambang. Namun, daripada ketiga-tiga agama di atas, hanya Kristian yang didapati paling aktif menggerakkan usaha misionari untuk menarik penganut agama lain khususnya Islam menganut agama tersebut.


Gerakan kristianisasi adalah satu gerakan misionari Kristian yang dilakukan secara tersusun dan terancang sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. Hakikatnya, gerakan evangelisme ini mempunyai "*mastermind*" di peringkat antarabangsa yang mengawal pergerakan, menyusun strategi, melakukan penyelidikan dan melatih kader yang berkaliber untuk menggerakkan misi mereka. Keseragaman usaha mereka inilah yang menjadikan gerakan mereka amat licik dan jika berlaku sesuatu isu khususnya berkaitan pertembungan dengan Islam, ia terus mendapat sokongan kukuh dan perhatian dari seluruh dunia.

Penyebaran gerakan dakyah Kristian ini melibatkan dua (2) strategi iaitu:



Mereka aktif menjalankan kerja dakyah secara tersembunyi. Orang awam dan individu yang kurang sensitif dengan isu kristianisasi tidak dapat mengesan taktik ini. Kebijaksanaan menyusup dan kelicikan bergerak tanpa disedari ini umpama "api dalam sekam" dan "anai-anai yang mengorek kayu". Umat Islam di Malaysia hanya menyedari dan dikejutkan oleh gejala buruk ini apabila berlaku kes murtad. Umat Islam seolah-olah gagal mengesan masalah ini sejak dari awal. Inilah gambaran berjayanya strategi tersembunyi mereka.

Kemuncak strategi dakyah terang-terangan pula timbul apabila umat Islam Malaysia dikejutkan dengan kemunculan paderi Melayu yang bernama Jamaluddin Osman @ Joshua Jamaluddin. Hasil dakwah di sebalik dinding gereja telah diketengahkan untuk menarik lebih ramai pengikut. Modus operandi dakyah dalam kes ini boleh dilihat sebagaimana berikut:



Akhirnya, Jamaluddin Osman dilantik menjadi Paderi Melayu pertama di Petaling Jaya dengan nama Father Joshua Jamaluddin. Kes ini berlaku pada tahun 1987. Beliau pernah ditahan ISA. Tetapi pihak gereja, beberapa NGO, beberapa pemimpin politik dan Majlis Peguam pernah membantah dan mencabar kes berkenaan di mahkamah. Father Joshua Jamaluddin memiliki iras Melayu dan berpakaian seperti

Melayu kini lepas bebas untuk menggerakkan program kristianisasi terhadap umat Islam.

Huraian lebih mendalam tentang gerakan kristianisasi ini akan dibincangkan secara mendalam dalam Bab 4.

### C. Sorotan Dua Kisah Murtad Akibat Gerakan Kristianisasi Di Malaysia

Sorotan ringkas yang dipaparkan ini merupakan kes murtad yang mendapat pendedahan meluas. Tujuan pendedahan semula kes ini adalah untuk mengambil iktibar, melihat pengajaran dan memahami gerakan kristianisasi.

#### ☼ Kes Lina Joy

- **Biodata asas :**

- Nama asal : Azlina Jailani
- Tahun dilahirkan : 1963
- Tahun tukar agama : 1998 (26 tahun)
- Bangsa : Melayu keturunan Jawa
- Agama asal : Islam dan dibesarkan dalam sebuah keluarga Islam
- Agama selepas murtad : Kristian

- **Maklumat kes :**

- Memohon menukar nama asal pada tahun 1997 kepada Azlina Lelani. Permohonan ditolak kerana alasan tukar agama Kristian.

- Memohon kali kedua pada 1999 dan telah diluluskan kepada nama Lina Joy. Pertukaran ini tidak menyatakan sebab pertukaran kepada agama Kristian. Tetapi kad pengenalan masih kekal dengan status Agama : Islam.
  - Mengisytiharkan tidak pernah mempraktikkan Islam sejak lahir dan beragama Kristian sepenuhnya sejak tahun 1990.
  - Mempunyai sijil Baptis yang dikeluarkan pada 11 Mei 1998.
  - Menyatakan hasrat untuk berkahwin dengan seorang lelaki berbangsa India beragama Kristian pada 2000 dan berusaha mendaftarkan dan mengesahkan perkahwinannya.
  - Mempertahankan pilihan untuk keluar dari Islam atas dasar pilihan sendiri dan telah dimaklumkan kepada ibu bapa walaupun dipanggil dan dinasihatkan beberapa kali oleh Majlis Agama.
- **Tindakan yang diambil :**
- Memohon untuk mendaftar perkahwinan selepas berkahwin dengan seorang Kristian. Permohonan ditolak kerana status pada kad pengenalan masih beragama Islam walaupun telah berjaya menukar nama kepada Lina Joy.
  - Meneruskan usaha membuang status agama Islam melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Permohonan tidak diluluskan kerana tiada kebenaran dari Mahkamah Syariah yang memperakui telah keluar Islam. Mahkamah Syariah

mengharamkan seseorang Muslim keluar daripada agama Islam (murtad) berdasarkan peruntukan undang-undang Islam.

- Membawa kes ke Mahkamah Tinggi pada tahun 2000 dan seterusnya ke Mahkamah Rayuan pada 2005. Kedua-dua mahkamah ini mengiktiraf bidang kuasa mengendalikan kes ini adalah di bawah Mahkamah Syariah untuk memberi pengesahan keluar dari Islam.
- Mendapat kebenaran melalui peguambelanya Dato' Dr. Cyrus Das untuk membawa kes ke Mahkamah Persekutuan.
- Membawa kes ke Mahkamah Persekutuan dan kes didengari oleh (tiga) 3 Hakim iaitu Ketua Hakim Tun Fairuz, Dato' Alauddin dan Dato' Richard. Secara dasarnya, mahkamah menyokong tindakan Mahkamah Rayuan.

• **Kronologi isu :**

- Isu murtad Lina Joy menjadi hangat apabila Majlis Peguam yang diketuai Peguam Malik Imtiaz Sarwar dan beberapa yang lain yang hanya bertindak sebagai peguam pemerhati dibenarkan oleh Mahkamah Persekutuan untuk memberi hujah dan bersuara. NGO yang menyokong Lina Joy juga turut diberi kebenaran oleh mahkamah untuk turut memberi pandangan.
- Barisan peguam pemerhati yang diketuai oleh Majlis Peguam mengalih isu utama kes ini daripada hak dan kuasa Mahkamah Syariah kepada hujah bahawa Lina Joy berhak mempraktikkan

kepercayaannya. Ini adalah hak individu yang dilindungi perlembagaan seperti yang disebut dalam Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan.

- Barisan peguam pemerhati dan NGO-NGO yang menyokong bergabung membentuk 11 NGO bukan Muslim yang dikenali sebagai Kumpulan Artikel 11 & Inter-Faith Council (IFC).
  - Isu bidang kuasa Mahkamah Syariah seperti yang diputuskan oleh mahkamah terdahulu telah dipinggirkan dan menjadi tidak relevan sama sekali setelah agenda perjuangan Kumpulan Artikel 11 & Inter-Faith Council (IFC) ini dijadikan isu utama di Mahkamah Persekutuan.
  - Kumpulan Artikel 11 & Inter-Faith Council (IFC) menuntut untuk mendefinisikan perkataan “person” (individu) yang terkandung dalam Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan kepada maksud individu itu sendiri bukan terletak pada kumpulan atau agama secara umumnya.
- **Implikasi dan bahaya tuntutan isu ini :**
    - Akibat huraian definisi “individu” ini, ikatan Islam hanya tertakluk pada kefahaman dan pegangan peribadi seseorang penganut itu sendiri dan Islam sebagai agama tiada hak untuk mewajibkan umatnya mempraktikkan syariat Islam. Ini berlawanan dengan ajaran Islam dan apa yang terkandung dalam undang-undang Islam.
    - Individu Muslim boleh keluar daripada agama Islam pada bila-bila masa atas kebebasan dirinya.

- Individu Muslim dibenarkan meninggalkan Islam pada bila-bila masa walaupun masih mengaku sebagai Melayu. Keterikatan Melayu dengan agama Islam seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dipakai berdasarkan definisi ini.
- Individu Muslim boleh metafsirkan agama Islam mengikut kefahaman sendiri sepenuhnya berdasarkan hak individu.
- Perundangan syariah menjadi tidak relevan dan kesalahan syariah seseorang individu Muslim tidak boleh diambil tindakan.
- Organisasi dan badan-badan Islam juga tidak relevan apabila hak individu lebih berkuasa dan diperjuangkan.
- Yang DiPertuan Agong dan Raja-raja Melayu tidak lagi relevan dan tidak boleh berfungsi sebagai Ketua Agama Islam.
- Kemuliaan Islam di Malaysia terhakis dan menjadi sama taraf dengan agama lain.
- Peguambela Lina Joy dalam mengakhiri kes ini menyebut:

*Terjemahan: "... Sudah sampai masanya kita 'ketuk' ke dalam kepala orang Melayu bahawa negara kita Malaysia tidak pernah menjadi negara Islam. Satu mesej harus 'dicampakkan' kepada orang Islam untuk memberitahu mereka bahawa di Malaysia, Islam tertakluk kepada Perlembagaan ..."*

- Iktibar daripada kes ini :

Kesanggupan mendakwa tidak amalkan Islam sejak dari kecil

Penggunaan alasan perkahwinan untuk menukar agama

Penggunaan hak kebebasan individu sebagai pemangkin usaha

Kesatuan pelbagai NGO dan pertubuhan Kristian untuk menyokong usaha

Pemanfaatan kelonggaran yang diberi oleh mahkamah untuk meraih kemenangan

Kelicikan untuk menggunakan perlembagaan negara

Kelemahan kesatuan umat Islam dalam menangani kesatuan gerakan Kristian

Gambaran zon selesa umat Islam Malaysia terhadap Perlembagaan Persekutuan yang dianggap menyebelahi umat Islam

❁ Kes Aishah Bokhari

- Biodata asas :
  - Nama penuh : Nor Aishah Bokhari
  - Nama Kristian : Aishah Felicia Bokhari
  - Bangsa : Melayu
  - Tahun dilahirkan : 1972
  - Agama asal : Islam dan dibesarkan dalam sebuah keluarga Islam, penuh didikan agama
  - Agama selepas murtad : Kristian
- **Maklumat kes :**
  - Memaklumkan kepada bapanya Haji Bokhari melalui satu panggilan telefon bahawa dia telah masuk Kristian.
  - Membuat permohonan meninggalkan agama Islam melalui seorang peguam iaitu Lennet Teoh Hui Leong. Kenyataan oleh peguam tersebut: "Saya Lennet Teoh Hui Leong telah dilantik oleh Nor Aishah untuk memberi nasihat kepadanya berkenaan dengan pertukaran agamanya kepada Kristian dan atas arahannya saya telah menyediakan surat sumpah untuk Nor Aishah menolak dan meninggalkan Islam".
- Tindakan yang diambil :
  - Memohon secara bertulis permohonan writ *habeas corpus* melalui peguamnya kerana mendakwa ditahan tanpa sengaja oleh ahli keluarganya

sendiri kerana ingin keluar dari Islam. Kenyataan peguamnya, “Saya Lennet Teoh percaya bahawa Nor Aishah sedang dikurung secara salah oleh keluarganya. Saya percaya tindakan ibu bapa, abang dan bapa saudaranya telah melanggar hak kebebasan Nor Aishah menganut agama pilihannya iaitu Kristian Katolik”.

- Menggunakan alasan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan iaitu hak kebebasan beragama dan memfailkannya di Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur pada tahun 1997.
- Menarik balik permohonan writ *habeas corpus* terhadap bapa, ibu, abang dan bapa saudaranya.
- Mengguna pakai Perkara 11(1), Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan; “Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya...” Mana-mana warganegara Malaysia yang telah cukup umur (18 tahun) berhak secara mutlak menentukan agama untuk dirinya.

• **Kronologi isu :**

- Pada 18 November 1997, Nor Aishah Bokhari telah berhenti kerja akibat rasa terganggu dan takut untuk menyatakan hasrat murtad menjadi Kristian Katolik dan merancang untuk berkahwin dengan Joseph Arnold Lee.
- Nor Aishah Bokhari mengaku telah murtad dan menganut ajaran Katolik melalui perisytiharan undang-undang yang dibuat di hadapan Pesuruhjaya Sumpah pada 22 Oktober 1997.

- Beliau mendakwa telah mengunjungi gereja katolik setiap Ahad sejak November 1997.
- Nor Aishah dibawa pulang oleh keluarganya ke kampung di Pontian, Johor setelah melalui pelbagai usaha menyelamatkannya. Beliau dibawa ke Jabatan Agama Islam Negeri Johor di Johor Bharu pada 18 Disember 1997 dan menandatangani satu kenyataan taubat.
- Beliau melarikan diri dari rumah melalui pakatan bersama teman lelakinya pada 30 Disember 1997.
- Nor Aishah telah menandatangani satu perisytiharan undang-undang bertarikh 9 Januari 1998 kepada Hakim Mahkamah Tinggi Malaysia, Kuala Lumpur.
- Beliau merayu kepada hakim untuk membebaskan beliau dan teman lelakinya Joseph Arnold Lee daripada gangguan yang dibuat oleh ibu bapa, ahli keluarganya dan pihak polis.
- Aishah mendakwa tidak dapat membuat perisytiharan terbuka kerana sangsi dan tidak percaya kepada rakyat Malaysia.
- Beliau merayu kepada hakim untuk membebaskannya daripada gangguan pihak-pihak yang dinamakan berdasarkan hak kebebasan yang dijamin dalam Perlembagaan.

• **Implikasi isu seperti ini :**

- Usaha untuk memanipulasi Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak kebebasan beragama. Pelbagai pihak yang

mempunyai kaitan dalam isu murtad bebas menggunakan alasan individu berumur lebih 18 tahun boleh memilih agama untuk dirinya.

- Individu Muslim boleh keluar daripada agama Islam pada bila-bila masa atas kebebasan dirinya.
- Sekiranya pertimbangan ini diguna pakai, Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk menyekat individu yang berumur lebih 18 tahun yang ingin murtad kerana tidak mempunyai kuasa mengatasi Perlembagaan Persekutuan. Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan: “Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu.”.
- Kes begini boleh menjadi “*legal precedent*” untuk kes-kes lain yang mempunyai motif sebegini dan membuka peluang untuk lebih banyak usaha memurtadkan individu Muslim berumur 18 tahun ke atas akan berlaku.

- Iktibar daripada kes ini :

Penggunaan alasan percintaan untuk murtad

Kesanggupan menyaman dan mendakwa keluarga yang berusaha menyelamatkan sebagai penculik

Penggunaan khidmat guaman yang teliti untuk memudahkan urusan

Penggunaan peruntukan kebebasan beragama dan hak individu

Kekurangan kuasa dan peranan pihak berkuasa agama untuk menangani kes murtad

Kelemahan kesatuan umat untuk menangani bencana murtad

#### D. Impak Daripada Dua Kisah Murtad Ini Dan Kesannya Kepada Umat

Pelbagai impak dan kesan yang boleh dijangka bakal berlaku dari kes-kes murtad ini. Akibatnya, umat Islam di Malaysia yang akan menanggung beban. Jika terus dibiarkan, ia umpama, "membiarkan rumput di laman rumah". Semakin lama dibiarkan, semakin tinggi tumbuhnya. Dari rumput menjadi lalang; lalang menjadi semak. Laman yang indah pada awalnya bertukar hodoh sukar untuk dibersihkan. Kelak semak tersebut mengundang bahaya baru dengan menjemput kehadiran binatang berbisa yang bakal mengancam keselamatan tuan rumah.



#### E. Usaha Golongan Murtad Di Alam Siber

Setelah mengulas serba ringkas tentang beberapa kisah murtad akibat gerakan kristianisasi di Malaysia dan melihat impak dan kesannya kepada umat Islam, bahagian ini akan memaparkan beberapa contoh hasil inisiatif golongan murtad yang menggunakan badan antarabangsa dan ruang siber untuk menonjolkan diri mereka. Usaha ini menggambarkan

bahawa mereka semakin berani. Beberapa platform digunakan untuk menarik perhatian dan sokongan masyarakat dalam dan luar negara.

Antara intipati perjuangan mereka ialah:



Berikut adalah beberapa contoh hasil gerakan mereka:

- ❖ Isu halangan perkahwinan antara lelaki bukan Islam dengan wanita Islam yang memerlukan lelaki tersebut memeluk Islam terlebih dahulu



Sumber :  
<http://www.refworld.org/cgi-bin/texis/vtx/rwmain?docid=41501c397>

- ❖ Isu permasalahan Muslim yang murtad kepada agama Kristian dan isu-isu yang berkaitan

**refworld**

**Title** Malaysia: 1. Muslim to Christian converts; 2. Non-practising Muslims; 3. Disabled children. Is there any evidence in support of the following? 4. Forced female circumcision; 5. Christian females being forced to marry Muslims; 6. Children being removed if not being raised as Muslims; 7. Anything else of relevance

**Publisher** Australia, Refugee Review Tribunal

**Publication Date** 27 March 2008

**Country** Malaysia

**Topics** Disabled persons (Female genital mutilation (FGM) | Forced marriage | Freedom of religion

**Citation / Document Symbol** MYS33657

**Cite as** Australia, Refugee Review Tribunal, Malaysia: 1. Muslim to Christian converts; 2. Non-practising Muslims; 3. Disabled children. Is there any evidence in support of the following? 4. Forced female circumcision; 5. Christian females being forced to marry Muslims; 6. Children being removed if not being raised as Muslims; 7. Anything else of relevance, 27 March 2008, MYS33657, available at: <http://www.refworld.org/docid/4b2b0a.htm> [accessed 8 November 2013]

**Disclaimer** This is not a UNHCR publication. UNHCR is not responsible for, nor does it necessarily endorse, its content. Any views expressed are solely those of the author or publisher and do not necessarily reflect those of UNHCR, the United Nations or its Member States.

**Refugee Review Tribunal  
AUSTRALIA**

**RRT RESEARCH RESPONSE**

**Research Response Number:** MYS33657  
**Country:** Malaysia  
**Date:** 27 March 2008

Sumber :

<http://www.refworld.org/cgi-bin/texis/vtx/rwmain?page=search&docid=4b6fe2b0a&skip=0&query=murtad&coi=MYS>

Perkara dan perbincangan yang dibangkitkan dalam artikel ini :

*How are the following groups treated in Malaysia?*

<i>Muslim to Christians converts</i>	<i>Non practising Muslims</i>	<i>Disabled children</i>
<i>Forced female circumcision</i>	<i>Christian females being forced to marry Muslims</i>	<i>Children being removed if not being raised as Muslims</i>

❁ Laman Rosina Kamis yang ditubuhkan untuk membela golongan murtad yang ingin melarikan diri ke luar negara setelah murtad



Sumber :  
<http://rosinakamis.net/About-This-Website.php>

Rosina Kamis ini juga turut membina laman web berikut :



Sumber :  
<http://rosinakamis.net/murtadsfrommalaysia/>

- ❁ Laman blog Murtad di Malaysia yang ditubuhkan sebagai ruang untuk sokongan moral kepada mereka yang murtad di samping sebagai ruang perbincangan



Sumber :  
<http://murtadmalaysia.wordpress.com/>

- ❖ Laman Facebook yang ditubuhkan kononnya untuk kelompok murtad di Malaysia dan Singapura mengekspresikan diri mereka



- ❖ Sebuah lagi akaun Facebook yang pemiliknya mengaku murtad serta sering berkongsi status yang menghina Islam



## F. Kesimpulan

Isu murtad adalah jenayah berat dalam Islam yang perlu diberi perhatian serius oleh umat Islam.

Isu murtad bukan hanya cerita golongan tertentu. Isu murtad adalah isu umat Islam.

Terdapat kaitan antara kes murtad dan usaha kristianisasi.

Pengajaran daripada perbicaraan kes-kes murtad menunjukkan tahap solidariti yang tinggi di kalangan pertubuhan Kristian dalam dan luar negara.

Keperluan pada usaha perincian yang lebih mendalam oleh kerajaan terhadap penafsiran Perlembagaan Persekutuan.

Kemenangan kes murtad di mahkamah menjana semangat golongan murtad untuk mula bebas menonjokan diri dan usaha mereka menggalakkan kes-kes murtad yang baharu.

## BAB 4 : AGENDA KRISTIAN SATU SOROTAN

Penulisan bab ini adalah hasil reaksi terhadap provokasi melampau yang tidak diundang. Keharmonian dan keamanan beragama mula dicemari oleh inisiatif cuba memesongkan akidah umat Islam seterusnya memurtadkan dengan cara yang halus. Selepas itu secara beramai-ramai mengatakan bahawa individu yang murtad itu atas dasar kebebasan beragama, tiada pengaruh pihak lain yang menyebabkan dia murtad. Kemudian kelompok beramai-ramai itu mendakwa bahawa mereka dianiaya dan dihimpit oleh undang-undang dan kerajaan. Sekadar alasan mengaburi usaha jahat mereka.

Bab 3 sebelum ini telah memberikan gambaran sepintas lalu mengenai usaha memurtadkan orang Islam oleh puak Kristian. Kesatuan bertindak, tipu helah licik dan tindak tanduk mereka yang berselindung di sebalik perjuangan kebebasan hak asasi manusia perlu diberi perhatian. Oleh itu, agenda dan niat jahat kumpulan evangelis dan pendakwah Kristian perlu didedahkan. Umat Islam mesti tahu dan bertindak atas perkara ini. Agenda mereka benar-benar mengancam kemaslahatan dan kesucian agama Islam.

Berbalik pada punca asal, dalam menangani isu ini, umat Islam perlu sentiasa menonjolkan diri mereka dengan cerminan ciri-ciri umat terbaik iaitu :



Tiga ciri-ciri umat terbaik ini dijelaskan oleh Allah dalam firmanNya yang bermaksud :

*“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.”*

(Surah Ali-’Imraan 3 : 110)

Pelaksanaan tiga (3) ciri-ciri umat terbaik ini menjadi intipati teras kewujudan jatidiri yang utuh dalam diri setiap Muslim. Kekuatan ini diperlukan untuk memastikan ketahanan dari segala cabaran dan tribulasi.

Di samping itu, pendedahan agenda Kristian ini juga adalah satu tuntutan pelaksanaan terhadap ciri kedua yang disebut dalam ayat di atas iaitu, “mencegah yang MUNGKAR”. Tuntutan ini dilihat

sebagai satu kewajipan yang perlu sentiasa digerakkan untuk mengelakkan umat daripada terjerumus dalam perkara keburukan. Lebih-lebih lagi agenda kristianisasi ini yang menggugat akidah yang menjadi teras pegangan Muslim.

Peranan pendedahan agenda Kristian ini juga sebagai *Sadd al-Zara'ie* atau usaha berhati-hati semampu mungkin untuk menyekat perkara yang berkemungkinan mendatangkan kerosakan. Kaedah *usul fiqh* ini mendidik pemikiran kita agar tidak alpa dalam melihat matlamat dan kecenderungan sesuatu perkara. Jika sesuatu itu jelas cenderung pada kefasadan yang menjejaskan teras ajaran Islam, maka ia perlu ditutup dan dibanteras sejak dari awal lagi. Jadi, setelah kita fahami ancaman pada akidah Islam yang amat mendesak kini, umat Islam perlu cakna dan mengambil perhatian serius terhadap sebarang bentuk gerakan yang dicetuskan oleh pihak evangelis Kristian.

Apa pandangan dan ulasan anda terhadap gambar ini?



Untuk membaca lebih lanjut mengenai apa yang disebutkan berkaitan dengan gambar ini ia boleh diperolehi di laman “Pejuang Jihad Kristian” di bawah ini.



Sumber :

[http://www.vom.com.au/imagesDB/news/NL\\_SEPT2012\\_Web\\_PlusGS.pdf](http://www.vom.com.au/imagesDB/news/NL_SEPT2012_Web_PlusGS.pdf)

### A. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Evangelisme?

Umat Islam perlu menyedari bahawa bahawa agama Kristian adalah agama misionari, yang meletakkan statusnya sebagai agama "universal". Ajarannya menetapkan bahawa agama ini mesti disebar ke seluruh umat manusia. Tugas ini dikenali sebagai *The Great Commission*.

Jesus Christ dikatakan menyebut dalam Bible:

*“Therefore go and make disciples of all nations, baptizing them in the name of the Father and of the Son and of the Holy Spirit”*

(Matthew 28 : 19 New International Version)

Misi ini juga disebut dalam (Mark 10:45, 16: 15-16; Luke 24: 47-48). Justeru, penganutnya perlu menyediakan prasarana

misionari mubaligh seperti penyebar agama, bahan, sasaran fokus dan cara penyebaran.

Secara terperinci, maksud evangelisme :



Seorang sarjana sejarah misionari Kristian, Stephen Neil pernah mengulas gerakan dakyah Kristian sebagaimana berikut :

*"Amatlah jelas daripada rekod-rekod yang terdahulu membuktikan bahawa mereka yang bersemangat waja yang telah membuat pelayaran, para pemerintah serta orang-orang lain yang berdiri teguh di belakang mereka mempunyai dua tujuan utama; pertama, bertujuan untuk membawakan cahaya kebenaran Injil di kalangan bangsa manusia yang tinggal dalam kegelapan; dan kedua, dari sudut pandangan mereka pada waktu itu adalah amat penting untuk menghubungi gereja-gereja yang sudah pun bertapak di sesetengah tempat supaya dapat diwujudkan suatu ikatan persaudaraan di kalangan pemeluk Kristian, dan **melaluinyalah akhirnya nanti kuasa orang Islam dapat ditundukkan**".*

## B. Justifikasi Keperluan Umat Islam Memahami Agenda Evangelis Kristian



## C. Sorotan Ringkas Sejarah Penjajahan Kristian Dan Susulan Gerakan Kristianisasi

### Dendam Perang Salib

Segalanya bermula dengan gerakan terancang dengan misi mengembangkan agama Kristian dan memurtadkan umat Islam di seluruh pelusuk dunia.

Misi utamanya ialah:



Penjajahan barat yang kononnya bermatlamat untuk perdagangan rempah sebenarnya berasal dari satu perancangan peringkat tertinggi untuk gerakan kristianisasi. Satu perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Tordesillas telah dimeterai pada tahun 1494 oleh Pope Alexander VI. Perjanjian ini membahagikan dunia kepada dua (2) bahagian untuk bala tentera Portugis dan Sepanyol. Mereka menjajah dengan rakus dan merompak segala kekayaan yang ditemui dari dunia baru. Manusia dibunuh dengan kejam dan dijadikan hamba demi menjayakan misi penyebaran agama Kristian mereka.

Sementara itu, di England juga kegiatan mubaligh Kristian turut bergerak aktif. Pada tahun 1799, *Church Missionary Society* (CMS) pula ditubuhkan. Usaha mereka semakin agresif.

Portugis menawan kota Melaka. Selepas Melaka ditawan, Raja Manuel mengirim berita kepada Pope Leo X dengan memaklumkan bahawa “Palang Salib telah menang ke atas ‘Bulan Sabit’”. Kemudian Inggeris meneruskan usaha memantapkan lagi gerakan mengembangkan ajaran Kristian. Kejayaan mereka bukan setakat menawan dan menyebarkan ajaran Kristian. Mereka melahirkan beberapa pakar yang diberi gelaran *Living Leaders in The World of Thought of Islam* seperti :

- Theodor Noldeke
- Martin Hartmann
- Snuck-Hurgronje
- Ignaz Goldziher
- David Samuel Margoliouth

Mereka menguasai agama Islam, bahasa Arab dan amat memahami kehidupan sosiobudaya umat Islam.

Pada zaman pentadbiran Stamford Raffles di Tanah Melayu, beliau pernah meluluskan 500 ekar tanah rancangan yang mengumpul dan mengasingkan 50 keluarga Melayu untuk diberi kemudahan ekonomi. Tetapi, pemberian ini bersyarat. Anak-anak dari keluarga Melayu ini perlu masuk ke sekolah mubaligh. Pengasingan ini adalah salah satu usaha memurtadkan anak-anak Melayu tersebut. Pelajar ini dikenakan syarat-syarat yang ketat. Pengawasan pentadbiran sekolah ke atas pelajar melebihi autoriti ibubapa, pelajar tidak dibenar keluar dari sekolah dan tidak dibenar bercampur dengan kanak-kanak dari luar komuniti terkawal ini selain mereka perlu menghormati hari-hari kebesaran Kristian.

Pada 1983, pihak Kristian mempelopori penubuhan Majlis Perundingan Agama-Agama. Jawatan Presiden dan Setiausaha pertama Majlis ini dikuasai oleh Kristian beraliran Katolik. Objektif utama penubuhan Majlis ini ialah :

Menyediakan satu *front* yang bersifat *modus vivendi*

Memastikan sebarang tuntutan pelbagai agama dapat dikemukakan dengan lebih berkesan

Namun, mereka kecewa kerana wakil agama Islam tidak turut serta dalam Majlis tersebut.

Titik penting seterusnya gerakan Kristian di Malaysia ialah penubuhan Christian Federation of Malaysia (CFM) yang disahkan pendaftarannya pada Januari 1986. Objektif CFM ialah menjaga kepentingan masyarakat Kristian di Malaysia. Penubuhan CFM ini berjaya menyatukan keseluruhan mazhab besar gereja di negara ini yang berjumlah 40 buah mazhab.

Apa yang tersirat di sebalik penubuhan ini, pihak Kristian akan ;




untuk menghadapi umat Islam di Malaysia dan suara mereka lebih mendatangkan impak.

Gerakan dakyah ini terus bergerak tanpa henti dari zaman Portugis, zaman penjajahan Belanda, British sehinggalah ke zaman pasca kemerdekaan. Walaupun mengambil masa yang lama, usaha mereka yang berterusan kini membuahkan hasil. Bangsa Melayu Muslim yang suatu ketika dahulu pernah diiktiraf oleh Paderi Joseph Harry Haines dalam kajiannya sebagai bangsa yang paling susah untuk dimurtadkan menjadi penganut Kristian, sehingga kini terus menjadi sasaran bertubi-tubi dari segenap sudut agenda kristianisasi. Adakah umat Islam khususnya bangsa Melayu di Malaysia masih mampu bertahan dengan asakan hebat ini? Atau longlai terpaku di penjuru dan pasrah menerima takdir?

#### D. Agenda Tersurat Dan Tersirat Gerakan Pemurtadan Evangelis Kristian

Gerakan evangelis Kristian mensasarkan fokus penting iaitu "Penyebaran Berita Gembira". Perkataan *Evangle* itu sendiri membawa maksud *gospel* atau berita gembira.



Mereka menggunakan pendekatan logik dan sistematik untuk menyampaikan:



Setiap perkara yang disebut, dilakukan, dialami atau yang berlaku di sekeliling manusia dikaitkan secara licik dalam penyampaian mereka dengan dua (2) perkara di atas. Mereka akan mempengaruhi golongan sasaran secara halus agar menyakini (beriman) sepenuhnya bahawa Yesus adalah Juru Selamat dan juga Tuhan (*Lord*). Maka, dengan keyakinan itu baru manusia layak dibebaskan dari belenggu dosa dan menerima kasih sayang tuhan.

Pelbagai kaedah lagi digunakan oleh evangelis Kristian secara terbuka atau secara halus dan tersembunyi. Perancangan dan tenaga penggerak telah digembleng untuk sebuah misi besar. Penerbitan majalah Time dan paparan hadapan majalah tersebut bagi edisi 30 Jun 2003 mempunyai cerita dan kisah yang kita boleh fahami :




Sememangnya mereka bertungkus-lumus mensasarkan usaha memurtadkan umat Islam. Salah satu misi besar mereka kini ialah misi "The 10/40 Window". Misi ini merujuk pada lokasi kawasan pada garis latitud bumi antara garis 10 darjah utara dan garis 40 darjah utara. Kebanyakan negara yang terletak di kawasan ini ialah negara yang majoriti penduduknya beragama Islam, Hindu atau Buddha. Tetapi jelas, sasaran utama mereka ini adalah negara umat Islam.

Anggaran jumlah  
sasaran:  
**2.82**  
**bilion**

- Ciri-ciri kawasan:
- **Miskin**
  - **Wilayah konflik**
  - **Bencana alam**

Dua (2) gambar di bawah ini menerangkan situasi dengan lebih lanjut:



Sumber :  
Majalah Time keluaran 30 Jun 2003



Sumber :  
[http://febc.org/wp-content/uploads/1040\\_visual.jpg](http://febc.org/wp-content/uploads/1040_visual.jpg)

Gerakan Kristian bukan gerakan yang hanya mengharapkan keajaiban bantuan ghaib dan peluang yang datang di depan mata. Mereka adalah gerakan umpama gerakan jihad yang meyakini janji Jesus Christ tentang kebangkitannya. Ia adalah penyempurnaan tanggungjawab *The Great Commission*. Pegangan mereka adalah berasaskan kata-kata Jesus Christ :



*"This gospel of the kingdom shall be preached in the whole world as a testimony to all the nations, and then the end will come".*

Matthew 24:14

Secara umumnya, kekuatan gerakan Kristian terbentuk dari :



Bagi menyokong perancangan besar menyebarkan Kristian ke seluruh dunia ini, mereka telah menerbitkan pelbagai buku dan bahan rujukan yang mengatur perancangan dan strategi untuk memurtadkan umat Islam secara khusus. Antara buku dan hasil kajian yang telah diterbitkan untuk menghadapi umat Islam :



Usaha evangelis juga diterapkan dalam pelbagai bentuk; antaranya ialah penjajahan. Dalam setiap peperangan yang berlaku, banyak gerombolan evangelis menyusup masuk sebagai tentera. Inilah yang berlaku di Afghanistan dan Iraq. Mereka melakukan penyebaran ajaran Kristian secara terbuka. Pengakuan tentera Amerika ini membuktikan peranan mereka :

Note this recent article from Al Jazeera English language service :

*US soldiers have been encouraged to spread the message of their Christian faith among Afghanistan's predominantly Muslim population, video footage obtained by Al Jazeera appears to show.*

*Military chaplains stationed in the US air base at Bagram were also filmed with bibles printed in the country's main Pashto and Dari languages.*

*In one recorded sermon, Lieutenant-Colonel Gary Hensley, the chief of the US military chaplains in Afghanistan, is seen telling soldiers that as followers of Jesus Christ, they all have a responsibility "to be witnesses for him".*

*"The special forces guys - they hunt men basically. We do the same things as Christians, we hunt people for Jesus. We do, we hunt them down," he says.*

*"Get the hound of heaven after them, so we get them into the kingdom. That's what we do, that's our business."*

Sumber :

[http://blog.christianitytoday.com/ctpolitics/2009/05/afghanistan\\_for.html](http://blog.christianitytoday.com/ctpolitics/2009/05/afghanistan_for.html)

### **Terjemahan :**

*Nota : Artikel ini dipetik daripada perkhidmatan Bahasa Inggeris Al Jazeera :*

*Tentera AS telah digalakkan untuk menyebarkan mesej kepercayaan Kristian mereka di kalangan penduduk Muslim yang majoriti di Afghanistan, rakaman video yang diperolehi dari Al Jazeera bayangkan.*

*Paderi-paderi tentera yang ditempatkan di pangkalan udara AS di Bagram turut dirakam membawa bersama Bible yang dicetak dalam bahasa-bahasa utama negara tersebut iaitu Pashto dan Dari.*

*Dalam satu syarahan yang direkodkan, Leftenan Kolonel Gary Hensley, Ketua Paderi Tentera AS di Afghanistan dilihat menyampaikan amanat kepada tentera bahawa sebagai pengikut Jesus Christ, mereka mempunyai tanggungjawab “untuk menjadi saksi baginya”.*

*“Tentera pasukan khas – secara asasnya mereka sasarkan manusia. Kita orang Kristian turut melakukan perkara yang sama, menjadikan manusia sasaran untuk Jesus. Kita memang melakukannya, jadikan mereka sebagai sasaran”, katanya.*

*Kerahkan pemburu-pemburu syurga untuk mengejar mereka, agar kita dapat membawa mereka ke dalam alam kita. Itulah apa yang kami lakukan, itulah urusan kita.”*

Di samping itu, kelompok evangelis ini juga menumpukan usaha mereka dalam misi antarabangsa atas nama kemanusiaan. Tetapi ada sesuatu di sebalik kerja amal yang mereka lakukan.

*"We give [the survivors] all the material things, but at the same time, as [the workers'] hearts hear the pain of these people – they're crying – they sit down with them and share with them the love of God and the hope in Jesus," Yohannon told AgapePress. "And [to] those who can read, they give them scripture verses -- and that's all we do."*

Sumber :

<http://www.christianpost.com/news/mixing-of-humanitarian-aid-evangelism-continues-to-stir-controversy-15463/>

**Terjemahan :**

*"Kami memberi (mangsa yang terselamat) semua bantuan keperluan asas, tetapi dalam masa yang sama, hati mendengar kesakitan mangsa-mangsa ini – mereka menangis - mereka duduk bersama dan berkongsi kasih sayang tuhan dan harapan kepada Jesus," kata Yohannon kepada AgapePress. "Dan (untuk) mereka yang boleh membaca, mereka diberikan ayat-ayat dari kitab – dan itulah semua yang kami lakukan."*

Mangsa tsunami di Aceh pada tahun 2004 juga turut didatangi oleh gerakan evangelis ini.

*“Pengakuan Vernon Brewer, aktivis gerakan misionaris Worldhelp menjadi buktinya. Saat diwawancarai Washington Post Brewer mengakui bahwa pihaknya menangkut 300 anak Aceh ke Jakarta. Mereka akan disekolahkan di sejumlah sekolah Kristen. Selain itu, banyak pula sumbangan yang di dalamnya ditemukan simbol salib dan tulisan-tulisan bernada pemurtadan. Itu semua adalah rangkaian daripada gerakan pemurtadan yang dijalankan dengan kedok bantuan.”*

Sumber :

<http://www.christianpost.com/news/mixing-of-humanitarian-aid-evangelism-continues-to-stir-controversy-15463/>

Gerakan evangelis Kristian juga melakukan pelbagai usaha dan program kebajikan untuk membantu masyarakat. Motif tersirat semestinya menjadi agenda utama. Mereka mendekati golongan yang memerlukan untuk membantu sambil menanam kepercayaan Kristian kepada mangsa. Ini dilakukan dengan menyediakan bantuan kepada orang miskin dan yang memerlukan bantuan di samping menyediakan rumah kebajikan atau rumah perlindungan untuk warga tua, pesakit HIV/AIDS, individu gelandangan, remaja bermasalah dan yang seumpama dengannya.

Gerakan evangelis Kristian bergerak dalam pelbagai bentuk dan rupa. Ada yang dilakukan secara terbuka dan ada yang dilakukan secara berselindung penuh kerahsiaan. Mereka merangka perancangan ini dengan penuh ketelitian dan ia digerakkan oleh misionari yang cukup terlatih dan memahami keadaan. Agenda tersirat mereka telah berjaya menyelinap masuk di setiap tempat termasuk turut mengaburi kerja-kerja pemurtadan umat Islam khususnya di negara kita.



#### E. Strategi Terancang Evangelis Yang Terkini; Kontekstualisasi

Bagi menjayakan gerakan dakyah mereka, gerakan evangelis merangka pelbagai strategi untuk memastikan dakyah mereka berkesan. Matlamat mereka perlu dicapai dengan jayanya walau dengan apa cara sekalipun.

J. Dudley Woodberry seorang Profesor Emeritus di Fuller Theological Seminary School of World Missions di Amerika Syarikat telah mencadangkan :

*J. Dudley Woodberry suggests that most Muslim converts/inquirers find Christian forms of worship strange and offensive: Men and women are in close proximity in church; people sit on chairs or benches; they beat drums; and, worst of all they do not even remove their shoes! Then converts find out that the foreign terms used in Bible translations and liturgies are more Hindu than Muslim. For this reason, most missiologists and expatriate missionaries are ready to abandon forms of worship that are strange and offensive to converts and inquirers; and, to retain a few Islamic religious forms and vocabulary.*

Sumber :

[http://www.ciu.edu/sites/default/files/Article/2011/11/Critical%20Contextualization%20and%20Muslim%20Conversion/critical\\_contextualization\\_pdf\\_13691.pdf](http://www.ciu.edu/sites/default/files/Article/2011/11/Critical%20Contextualization%20and%20Muslim%20Conversion/critical_contextualization_pdf_13691.pdf)

**Terjemahan :**

*J. Dudley Woodberry mencadangkan agar Muslim yang murtad/individu yang baru mendekati Kristian mendapati bentuk ibadat Kristian adalah satu perkara yang pelik dan menyakitkan hati: Lelaki dan wanita duduk bersebelahan di dalam gereja; hadirin duduk di atas kerusi atau bangku; mereka memukul gendang; dan yang paling teruk sekali mereka tidak menanggalkan kasut! Selain itu, mereka yang baru masuk Kristian juga mendapati istilah-istilah asing digunakan dalam terjemahan Bible dan upacara ibadat (liturgy) lebih mirip agama Hindu berbanding Muslim. Atas sebab ini, kebanyakan ahli pengkaji agama dan mubaligh asing bersedia untuk meninggalkan bentuk ibadah yang pelik dan menyakitkan hati kepada Muslim yang murtad/individu yang baru mendekati Kristian; dan mengekalkan beberapa bentuk ibadah dan perbendaharaan kata berorientasikan Islam.*

Idea beliau sangat mudah. Samakan gambaran ajaran Kristian dengan keperluan umat Islam. Halangan-halangan seperti bentuk penyembahan dan istilah-istilah yang aneh serta ofensif kepada umat Islam perlu ditukar. Halangan ini boleh menyukarkan usaha evangelis untuk mendekati sasaran dakyah Muslim.

Oleh itu, kebanyakan evangelis Kristian bersedia untuk :

- Menggugurkan semua bentuk penyembahan yang aneh dan ofensif dengan Islam
- Membenarkan golongan murtad mengekalkan dan menggunakan beberapa bentuk dan istilah dari agama Islam
- Membenarkan mereka terus mengamalkan gaya hidup seperti orang Islam walaupun mereka telah dimurtadkan

Kontekstualisasi memberi ruang yang luas kepada para evangelis untuk :



Inilah muslihat dan strategi yang benar-benar bahaya untuk umat Islam. Seheinggakan keluarga di rumah yang tidak benar-benar peka dengan perubahan tidak akan mengetahui sama ada seorang individu di dalam rumah mereka masih Islam atau sudah murtad.

Dalam sebuah jurnal Kristian *International Journal of Frontier Missions* pada tahun 2004, Harley Talman memperakui bahawa pendakyyahan kepada orang Islam suatu ketika dahulu telah dianggap sebagai satu usaha yang sia-sia. Namun, dengan strategi kontekstualisasi licik dan komprehensif, ia telah memberi ruang dan nafas baru kepada usaha pendakyyahan terhadap umat Islam. Malah Harley Talman telah menggariskan empat (4) model spesifik dalam menyerapkan agama Kristian:

Cari nilai, sumber identiti, gelagat, tingkah laku dan punca kuasa yang berkaitan dengan kejadian, penebusan dan komuniti.

Kenal pasti ruang dan cara di mana sifat Christ sudah ada dalam sesuatu budaya. Islam mempunyai sifat yang sangat dekat dengan Kristian.

Beri perhatian kepada tiga (3) ciri-ciri penting iaitu kesyumulan budaya, identiti dan perubahan sosial.

Pilih tema budaya setempat yang akan menjadi objek gambaran agama dan banyakkan tema keadilan, kasih sayang dan harapan.

Melalui empat (4) model asas ini, pelbagai istilah dan amalan orang Islam telah disenaraikan oleh evangelis Kristian untuk digunakan oleh orang Islam yang baru mendekati ajaran Kristian. Helah ini termasuk menggunakan Rukun Iman dan Rukun Islam supaya umat Islam yang kurang ilmu mudah ditipu dengan muslihat ini.

Selain itu, Phil Marshall dalam bukunya *“Beyond The Mosque: Christians In Muslim Community”* menyatakan strategi kontekstualisasi ini juga menggunakan pendekatan tidak menyuruh mangsa menukar agama. Mereka mendekati dengan tipu helah memujuk mangsa menerima “penyaksian terhadap Jesus sebagai penyelamat” terlebih dahulu. Pendekatan ini hanyalah sebagai langkah sementara untuk menjinakkan hati dan mengelak dari penolakan langsung atau menyedari taktik penipuan. Mereka yang telah meninggalkan Islam ini akan beransur-ansur diminta (atau ada yang dipaksa) untuk meninggalkan amalan-amalan agama Islam setelah mereka murtad.

Di Malaysia, isu tuntutan penggunaan nama Allah oleh penganut Kristian juga adalah salah satu taktik evangelis Kristian menggunakan strategi kontekstualisasi untuk memperdayakan umat Islam. Dengan menggunakan perkataan yang biasa disebut dan diguna oleh umat Islam di dalam bahan bacaan Kristian, maka usaha pendakyyahan dengan menyebarkan Bible menjadi lebih mudah. Masyarakat menjadi keliru dan mudah bagi mereka untuk terus menyesatkan lebih ramai Muslim.

Umat Islam wajar menaruh rasa syak yang tinggi terhadap tuntutan penggunaan nama Allah ini. Malah perlu bersatu padu mengerah tenaga dan pemikiran untuk menghalang usaha ini. Kenapa mereka bersungguh ingin menggunakan nama Allah dalam Bible bahasa Melayu mereka? Tidakkah

mereka boleh mengguna perkataan tuhan, ilah atau ilahi? Tuntutan gereja Katolik ini adalah taktik yang sama digunakan kristian Katolik di Indonesia. Ternyata strategi kontekstualisasi tersebut terbukti berjaya. Kristian Katolik menggunakan frasa biasa dalam Islam untuk menarik perhatian dan mengaburi penilaian umat Islam di Indonesia. Akhirnya mereka berasa biasa dan selesa dengan ajaran Kristian.

Kejayaan strategi kontekstualisasi ini juga dibuktikan di sebuah negara majoriti Muslim (nama negara tidak disebutkan oleh majalah *Christianity Today* atas faktor keselamatan mereka) seperti yang dilaporkan pada keluaran Februari 2011 ini.



Dengan menukarkan perkataan "Son of God" kepada "The Beloved Son who comes (or originates) from God", ia telah memberi perubahan positif dalam dakyah Kristian di negara tersebut. Begitu juga William Carey yang

menterjemah Bible ke bahasa Bengali pada tahun 1809 telah menggantikan kalimah *God* kepada *Ishwar* iaitu tuhan agama Hindu. Gerakan evangelis Kristian obses dengan strategi kontekstualisasi ini kerana hasilnya yang dramatik.

Usaha kontekstualisasi menggunakan nama Allah dalam Bible atau segala bentuk ajarannya bagi menggantikan *God* ini akan sentiasa diteruskan walaupun di kalangan ahli ilmunan mereka bertelagah tentang penggunaannya. Bertelagah sama ada mahu berkompromi atau berusaha memberi kefahaman seperti biasa. Hakikatnya, penggunaan nama Allah ini bukan sebenar tuntutan yang dimahukan untuk menggantikan *God*.

*Today, "Son of God" is hardly the only point of contention among missionaries to Muslims. For example, they also tangle over whether Bible translations should use Allah to refer to God. Both sides make a compelling case. Muslims understand Allah in terms of simple monotheism rather than the dynamic Trinitarian theology that Christians profess. Yet Allah, the word for God that Muslims know from the Qur'an, actually predates Islam.*

### Terjemahan :

*Hari ini, "Anak Allah" bukan satu-satunya tajuk perdebatan utama di kalangan mubaligh yang boleh menjadi halangan untuk disampaikan kepada orang Islam. Sebagai contoh, mereka juga kusut memikirkan samada terjemahan Bible harus menggunakan nama Allah untuk merujuk kepada tuhan. Kedua-dua pihak memajukan hujah mantap Muslim memahami Allah segi monoteisme mudah berbanding teologi Trinitarian yang dinamik yang dianuti oleh orang Kristian. Namun, Allah sebagai satu ganti nama untuk Tuhan yang umat Islam tahu daripada Al-Qur'an sebenarnya telah wujud sebelum Islam.*

Para evangelis tetap melihat peluang daripada penggunaan nama Allah ini kerana penting bagi mereka apabila seseorang Muslim pertama kali mendengar hujah Kristian dan Bible, Muslim tidak merasakannya sebagai sesuatu yang asing daripada budaya mereka. Apabila halangan seperti perasaan asing dibuang (iaitu tidak menggunakan istilah yang asing untuk orang Islam) maka lebih ramai orang Islam akan bersifat terbuka dan berminat untuk mengenali Jesus mereka.

Sebenarnya, banyak lagi yang dirangka dalam strategi kontekstualisasi ini. Antaranya mereka cuba menembusi penyampaian melalui dunia visual. Mereka mengkaji dan terus mengkaji, adakah kita juga mengkaji?

*“As the world grows more media-saturated and sophisticated, young people and adults are becoming more visually oriented. The heart language of a growing number of people worldwide is visual story. Every day, four out of five people on this planet are molded by visual story. One of the greatest gaps in the global outreach of the Church is the lack of culturally-relevant visual media. Through film, television, computers, and mobile devices, stories are being told on large and small screens. This deluge of stories is captivating the hearts of men, women, youth, and children, and raises the question: who will shape the stories that shape the hearts of people around the world? The destiny of a generation depends on the answer.”*

<http://www.missionfrontiers.org/issue/article/contextualizing-the-gospel-in-a-visual-world>

### **Terjemahan :**

*Selama dunia berkembang, media menjadi semakin berkembang pesat dan canggih, generasi baru dan dewasa menjadi lebih berorientasikan visual. Jiwa bahasa dalam pertumbuhan manusia seluruh dunia ialah penceritaan visual. Setiap hari, empat daripada*

*lima orang di seluruh dunia dibentuk oleh penceritaan visual. Salah satu jurang besar dalam usaha pengembangan gereja secara global ialah kekurangan media visual yang relevan dengan budaya setempat. Melalui filem, televisyen, komputer dan peranti mudah alih, isi penyampaian disampaikan pada skrin besar atau kecil. Kebanjiran penyampaian sebegini mampu menawan hati lelaki, wanita, belia dan kanak-kanak dan menimbulkan persoalan: siapakah yang akan membentuk kisah-kisah yang dapat mencorakkan hati-hati manusia seluruh dunia? Nasib generasi bergantung pada jawapannya."*

Usah lagi kita tertipu dengan strategi licik gerakan Kristian ini. Usah juga kita bertelingkah untuk terus memberi ruang kepada mereka memurtadkan saudara seIslam kita.

#### **F. Strategi Gerakan Dalam (Insider Movement)**

Satu lagi strategi yang digunakan oleh gerakan kristianisasi kini ialah gerakan dalaman. Strategi ini memfokuskan kepada individu Muslim yang telah murtad. Mereka tidak perlu mengisytiharkan atau memberitahu sesiapa pun termasuk ibu bapa mereka sendiri bahawa mereka telah murtad. Mereka juga tidak perlu menghadiri upacara di gereja. Kelompok yang terlibat dalam gerakan dalaman ini dikenali sebagai penganut Kristian tanpa gereja (*Churchless Christianity*).



Gerakan dalaman ini terpakai untuk individu, keluarga mahupun komuniti. Golongan murtad yang mengikuti gerakan ini langsung tidak mempunyai simbol atau tanda-tanda sebagai seorang Kristian. Sahabat handai atau keluarga yang datang berkunjung ke rumah mereka pun tidak dapat mengesan sebarang perbezaan.

Perkara ini disahkan dalam satu disertasi peringkat doktor falsafah (Ph.D) di sebuah universiti Kristian di Amerika Syarikat berkaitan kajian mengenai pasti identiti dan kehidupan sosial orang Melayu di Malaysia yang telah murtad kepada ajaran Kristian. Kajian ini telah disiapkan pada September 2012.


Orang Islam yang murtad dan menganuti ajaran Kristian, mereka digelar sebagai penganut berlatar belakang Islam (*Muslim Background Believers - MBB*). Paderi John Travis (nama samaran) telah mencadangkan satu spektrum pengkategorian kumpulan ini. Mereka dikategorikan kepada enam (6) kumpulan yang meliputi spektrum C1 hingga C6. "C" di sini dimaksudkan sebagai "*Community*".

- C1** •Komuniti Islam yang murtad serta mengamalkan 100% Kristian dan bahasanya
- C2** •Komuniti Islam yang murtad, mengamalkan Kristian tetapi turut mengamalkan budaya tempatan dan mengekalkan bahasa asal
- C3** •Komuniti Islam murtad yang mengamalkan Kristian secara kontekstual dan bersifat neutral dalam budaya seharian
- C4** •Komuniti Islam murtad yang mengamalkan Kristian secara kontekstual dan mengamalkan ajaran Bible yang diterima Islam serta sedikit ajaran Islam
- C5** •Komuniti Islam murtad yang mempercayai Jesus, hidup dalam komuniti Islam, mengekalkan identiti sosial dan amalan luaran Islam serta dilihat sebagai Islam yang liberal
- C6** •Komuniti kecil Islam murtad yang mempercayai Jesus secara rahsia dan tidak menonjolkan kepercayaan mereka dan kekal identiti Islam 100%

Komuniti C5 dan C6 di atas adalah termasuk dalam kelompok gerakan dalaman.

Melalui strategi gerakan dalaman ini, pihak evangelis Kristian mensasarkan untuk membentuk gereja yang sesuai dengan budaya dan norma masyarakat Islam. Sebuah gereja yang menggunakan istilah-istilah dan cara daripada masyarakat Islam itu sendiri. Oleh itu, gereja dan ajaran Kristian bukanlah satu benda yang asing. Ia adalah sesuatu yang sinonim dengan amalan masyarakat. Apabila mereka telah mencapai keadaan begini, usaha evangelisme mereka menjadi semakin mudah khususnya ke atas umat Islam.

Inilah sasaran kerja mereka :



Majalah Christianity Today  
keluaran Januari-Februari 2013

Strategi gerakan dalaman ini mampu menjadi barah dalam sebuah masyarakat Islam. Barah yang hanya dapat dikesan apabila keadaan sudah kronik. Masyarakat terdedah kepada situasi kesamaran. Tidak diketahui atau dipastikan dengan jelas siapa yang benar-benar beriman dan siapa yang murtad. Dengan kaedah ini, masyarakat Islam umumnya tidak lagi mudah untuk mengenal pasti saudara mara mereka atau jiran tetangga yang sudah disesatkan oleh taktik kotor evangelis Kristian. Umat Islam akan terus dibiarkan dalam keadaan seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku. Tiada lagi isu gempar tentang Muslim yang murtad. Tiada lagi tuntutan di mahkamah untuk menukar agama. Malah tiada lagi tuntutan dan perebutan jenazah mahu dikebumikan

secara Islam atau secara Kristian. Sehingga hilang sensitiviti umat Islam terhadap isu murtad. Tetapi hakikatnya, umat Islam sendiri tertipu oleh sahabat mereka yang telah murtad tetapi menyembunyikan statusnya. Sampailah ke satu masa di mana, lebih ramai kelompok yang telah murtad secara sembunyi yang akhirnya mengisytiharkan kemurtadan mereka secara beramai-ramai. Di kala itu, usah disebut lagi tentang bagaimana menangani gejala murtad.

### G. Adakah Benar Ada Usaha Evangelis Kristian Di Malaysia Yang Fokus Untuk Memurtadkan Melayu Islam?

Michael S. Northcourt dalam penulisannya *The Muslim World* (1991) menyatakan perkara berikut:

*“For too long, many of our Christian in Malaysia have shed away from the issue of Muslim evangelism. The government has decreed that we cannot share the Gospel with a Muslim but **The Great Commission** instructs us to preach the Gospel to everyone. We have to decide who **we obey – God or man?** If we do the former we also have to expect to face the consequence of imprisonment.”*

#### Terjemahan :

*“Sejak sekian lama, ramai Kristian di Malaysia telah lari dari isu evangelisme kepada orang Islam. Kerajaan telah menetapkan bahawa kita tidak boleh berkongsi Gospel (berita gembira) dengan orang Islam tetapi **The Great Commission** telah mengajarkan kita untuk menyampaikan Gospel kepada semua orang. Kita perlu membuat keputusan siapa yang perlu **kita patuh – tuhan atau manusia?** Jika kita melaksanakan tuntutan tuhan kita juga mesti bersedia untuk berhadapan dengan akibat hukuman penjara.”*

Apakah erti kenyataan ini? Apa akibatnya dalam penerusan gerakan dakyah Kristian kepada orang Islam di Malaysia? Jika penganut Kristian tempatan patuh kepada undang-undang, adakah tidak mustahil mereka membawa masuk evangelis dari luar negara khusus untuk menyebarkan Kristian di kalangan orang Islam seterusnya memurtadkan orang Islam?

Dalam pelbagai laman web gerakan evagelisme, didapati pengakuan yang akan dipaparkan ini adalah antara pengakuan yang paling berani. Berikut adalah pengakuan Pastor Victor seperti yang disiarkan dalam laman web "Pejuang Jihad Kristian" yang berpangkalan di Australia.

*Pastor Victor is a frontline evangelist heading up a dangerous, covert ministry to Muslims in Malaysia.*

*In Malaysia, it's illegal to evangelise the Malay people. Malays are regarded as Muslims from birth and are forbidden to convert to another religion. Pastor Victor and his team work closely with Voice of The Martyrs Australia to support Malay converts and help Malays hear the good news about Jesus.*

*"We use food aid as one of the methods of outreach", said Pastor Victor. "By bringing groceries to the poor, we get an opportunity to share the message of Christ and also distribute Bibles."*

Sumber: <http://thirteenthree.org.au/blog/24/05/2011/evangelism-in-a-dangerous-place/>

**Terjemahan :**

*Pastor Victor adalah seorang evangelis barisan hadapan yang berkhidmat sebagai paderi kepada orang Islam di Malaysia secara rahsia dan berbahaya.*

*Di Malaysia, adalah menjadi satu kesalahan menyampaikan ajaran Kristian kepada orang Melayu. Melayu dianggap sebagai Muslim sejak lahir dan dilarang untuk menukar agama. Pastor Victor dan gerakannya berhubung rapat dengan Voice of The Martyrs Australia untuk menyokong Melayu murtad dan membantu orang Melayu mendengar berita gembira tentang Jesus.*

*“Kami menggunakan bantuan makanan sebagai salah satu kaedah penyebaran”, kata Pastor Victor. “Dengan membawa barang-barang keperluan kepada orang miskin, kami mendapat peluang untuk berkongsi mesej Christ dan juga mengagihkan Bible”.*

Pastor Victor yang merupakan individu yang dikehendaki di sebuah negeri (tidak dinyatakan) di Malaysia akibat penglibatan dakyah Kristian secara penyusupan menambah lagi,

*“Because by law Malays can’t go to church, we bring the church to them. It’s a privilege to be part of this house church movement. Over the years, we have led many Malays to repentance and faith in the Lordship of Jesus Christ.”*

**Terjemahan :**


*“Oleh kerana segi undang-undang, orang Melayu tidak boleh pergi ke gereja, kami membawakan gereja kepada mereka. Ini adalah satu keistimewaan untuk menjadi sebahagian dari gerakan gereja di rumah. Selama bertahun-tahun, kita telah membawa ramai orang Melayu untuk bertaubat dan percaya kepada ketuhanan Jesus Christ”.*

Mereka terus berusaha. Mereka tidak memaksa orang Melayu pergi ke gereja tetapi mereka membawa gereja mendekati orang Melayu. Bertahun-tahun usaha mereka mendorong ramai orang Melayu untuk kembali dan menyakini ketuhanan Jesus Christ. Satu pengakuan yang harus menjentik naluri kesedaran seorang Muslim.

Jelas sekali, dari pernyataan di atas, kaedah dakwah yang digunakan ialah:



Selain itu, melalui gerakan evangelisme Mission Frontiers (*U.S. Centre for World Mission*) mereka telah menghantar tujuh pendakwah Kristian dari bahagian *Campus Ministry* ke Malaysia. Mereka telah tiba di Malaysia pada Januari 2012 di bawah program yang dianjurkan dengan kerjasama First Baptist Church Subang, Selangor. Salah seorang daripada mereka yang dikenal pasti ialah Courtney Mihaich. Menurut maklumat dari Mt. Bethel Presbyterian Church, Courtney Mihaich dihantar untuk tugas selama dua tahun di Malaysia.



### Terjemahan :

*Keluarga dan sahabat handai seluruh dunia,*

*Courtney Mihaich telah berlepas ke Asia Tenggara pada Januari, 2012 untuk satu tugas selama dua tahun. Dia akan bertemu pelajar-pelajar kolej dari seluruh dunia yang kebanyakannya tidak pernah mendengar Gospel. Walaupun peka terhadap undang-undang pihak berkuasa di sana, beliau tetap meneruskan usaha untuk menubuhkan sebuah persatuan pelajar di mana mereka boleh datang dan belajar tentang penerangan Bible mengenai Jesus dan diperkenalkan dengan prinsip asas agama Kristian. Sebagaimana St. Patrick yang menggunakan tiga daun semanggi (three leaves clover) untuk berkongsi pemahaman mengenai Trinitati (di mana setiap daun adalah sebahagian dari semanggi tetapi ia masih dikira satu semanggi sama seperti 3 individu tetapi satu Tuhan) dia sedang menghadapi cabaran untuk mencari cara bagi berkongsi rahmat dan kepercayaan terhadap Tuhan bersama kawan-kawan baru dari seluruh dunia. Sila kunjungi blog beliau : <http://hillofslane.tumblr.com/>.*



Sasar pelajar kolej  
yang belum dengar  
*gospel*

Tubuh kelab di  
kalangan pelajar

Kongsi asas dan  
prinsip Kristian  
bersama ahli

Tugasan dan cabaran  
untuk sebar Kristian  
kepada sahabat baru

Misi Courtney Mihaich adalah satu contoh gerakan evangelis antarabangsa yang dilakukan secara terancang dan tersirat untuk menyebarkan ajaran Kristian khususnya di kalangan pelajar kolej.

### ***Joshua Project***


Jika diteruskan lagi kajian tentang gerakan terancang evangelisme Kristian terhadap orang Melayu, kita akan menjumpai sebuah projek evangelisme Kristian antarabangsa yang dikenali sebagai "*Joshua Project*". Rancangan ini adalah salah satu projek yang dirangka oleh gerakan Kristian antarabangsa iaitu *U.S Center for World Mission*. Projek ini mempunyai maklumat dan kajian terperinci berhubung sasaran dakyah mereka. Ia mula digerakkan pada Disember 1995 dan kini berpangkalan di Amerika Syarikat.

### ***Tujuan Joshua Project***

*Joshua Project is a research initiative seeking to highlight the ethnic people groups of the world with the fewest followers of Christ. Accurate, regularly updated ethnic people group information is critical for understanding and completing the Great Commission. Jesus said in Matthew 24:14 "This gospel of the kingdom shall be preached in the whole world as a testimony to all the nations, and then the end will come."*

## Terjemahan :

*Projek Joshua adalah satu inisiatif penyelidikan bertujuan untuk mengetengahkan kumpulan etnik manusia di seluruh dunia yang memiliki pengikut Christ yang paling sedikit. Informasi kumpulan etnik yang tepat dan sentiasa dikemaskini adalah sangat kritikal untuk memahami dan menyempurnakan The Great Commission. Jesus telah menyebutkan di dalam Matthew 24:14 "Ajaran berita gembira ini akan diajarkan di seluruh dunia sebagai bukti kepada semua bangsa, dan kemudiannya 'kemenangan' akan datang".*



### Misi Joshua Project

*Joshua Project seeks to answer the questions that result from the Great Commission's call to make disciples among every nation or people group:*

- *Who are the ethnic people groups of the world?*
- *Which people groups still need an initial church-planting movement in their midst?*
- *What ministry resources are available to help outreach among the least-reached?*


*Joshua Project gathers, integrates and shares people group information to encourage pioneer church-planting movements among every ethnic group and to facilitate effective coordination of mission agency efforts. Joshua Project compiles the work of numerous missions researchers to develop a list of all ethnic peoples that is as complete as possible.*

### Terjemahan :

Projek Joshua bertujuan untuk menjawab segala persoalan yang timbul daripada seruan Great Commission untuk melahirkan pendukung-pendukung ajaran bagi setiap bangsa atau kumpulan masyarakat:

- Siapakah kumpulan etnik manusia di dunia ini?
- Kumpulan manakah yang masih memerlukan penubuhan gerakan gereja di tempat mereka?
- Sumber penyampaian ajaran manakah yang boleh membantu penyebaran di kalangan kelompok yang paling kurang menerima ajaran ini?

Projek Joshua mengumpul, mengintegrasikan dan berkongsi informasi kumpulan masyarakat untuk menggalakkan perintis gerakan penubuhan gereja di kalangan setiap kumpulan etnik dan untuk memudahkan koordinasi efektif misi usaha agensi. Projek Joshua menyusun gerak kerja pelbagai misi penyelidikan untuk membangunkan satu senarai semua etnik masyarakat selengkap mungkin.



## Data, Produk Dan Aplikasi Yang Disediakan

Senarai kumpulan etnik seluruh dunia yang lengkap dengan Petunjuk Status Perkembangan Kristian

Senarai kumpulan etnik yang belum menerima ajaran Kristian lengkap dengan Status Penubuhan Gereja Yang Strategik & Data *Tools* Untuk Paderi

Profil statistik semua kumpulan etnik lengkap dengan gambar, peta dan data

Data spesifik negara berkaitan status agama Kristian, ranking penindasan, indeks pembangunan sumber manusia, ekonomi dan agama lain

Aplikasi pilihan pengguna daripada data kumpulan etnik (*population, geographic area, religion, status, ministry resource availability including Bible translation status, the Jesus Film, and Gospel audio recordings*)

Pengemaskinian data *Unreached People of the Day* setiap hari yang dipaparkan di laman web dan blog *Joshua Project*. Data ini juga boleh diperolehi melalui e-mel

Penyediaan data yang boleh dimuat turun, *power point*, bahan pembentangan dalam pelbagai bahasa serta *software* carian, paparan dan laporan yang mesra pengguna

Berikut adalah maklumat negara Malaysia dan sasaran bangsa Melayu yang diperolehi daripada laman web berkaitan *Joshua Project* ini :

Malaysia – People Groups														
People Group	Population	Indig	Engage!	%	Adherent Reached	%	Level	Progress	Scale	Primary Religion	Primary Language	Photo	Map	Text
Abai Sungai	1,400	Y	0.00 %	0.00 %	Y	1.1	■	Islam	Abai Sungai	Islam	Abai Sungai	P	H	T
Amerikan, U.S.	8,300	Y	28.00 %	79.00 %	Y	3.2	■	Christianity	English	English	P	H	T	
Arab	14,000	Y	0.00 %	0.20 %	Y	1.1	■	Islam	Arabic, North Levantine	Arabic, North Levantine	P	H	T	
Bajau Bukit, Papar	1,300	Y	0.00 %	0.00 %	Y	1.1	■	Islam	Papar	Malay	P	H	T	
Bajau Kajayan, Sama Muxari	16,000	Y	0.00 %	0.00 %	Y	1.1	■	Islam	Mupan	Malay	P	H	T	
Bajau, West Coast	70,000	Y	0.00 %	0.00 %	Y	1.1	■	Islam	Bajau, West Coast	Malay	P	H	T	
Mah Meri, Besoh	3,800	Y	0.00 %	0.00 %	Y	1.1	■	Ethnic Religions	Mah Meri	Malay	P	H	T	
Melayu	5,602,000	Y	0.45 %	0.50 %	Y	1.2	■	Islam	Melayu	Malay	P	H	T	
Melayu, East Malaysia	274,000	Y	0.00 %	0.00 %	Y	1.1	■	Islam	Melayu	Malay	P	H	T	
Melayu, Kuala	3,047,000	Y	0.40 %	0.50 %	Y	1.2	■	Islam	Melayu, Kuala	Malay	P	H	T	
Melayu, Riau	113,000	Y	0.00 %	0.00 %	Y	1.1	■	Islam	Melayu	Malay	P	H	T	
Malayali, Malayalam	166,000	Y	1.50 %	8.00 %	Y	2.2	■	Hinduism	Malayalam	Malayalam	P	H	T	
Manak	117,000	Y	0.00 %	0.00 %	Y	1.1	■	Islam	Manak	Malay	P	H	T	
Melanas, Belenui	130,000	Y	2.50 %	5.00 %	Y	3.1	■	Islam	Melanas, Central	Malay	P	H	T	
Mincing	200	Y	1.00 %	2.00 %	Y	1.2	■	Ethnic Religions	Mincing	Malay	P	H	T	
Milikan	4,500	Y	2.00 %	18.00 %	Y	2.2	■	Ethnic Religions	Milikan	Malay	P	H	T	
Mivangkubau, Orang Negeri	880,000	Y	0.00 %	0.00 %	Y	1.1	■	Islam	Negeri Sembilan Malay	Malay	P	H	T	
Miril	200	Y	0.00 %	0.00 %	Y	1.1	■	Ethnic Religions	Miril	Malay	P	H	T	

Sumber :  
<http://www.joshuaproject.net/countries.php>

Contoh maklumat terperinci mengenai Melayu Pantai Timur daripada laman *Joshua Project*:




Sumber

<http://www.joshuaproject.net/peopleprofile.php?peo3=19201>

Oleh itu, jelas sekali bahawa agenda Kristian adalah agenda yang tersusun dan fokus. Selain menggunakan kaedah dakyah yang strategik, mereka juga menggerakkan usaha kajian yang spesifik untuk benar-benar mengenali sasaran dakwah mereka. Adakah kita sebagai Muslim, institusi dakwah kita dan organisasi umat Islam seluruh dunia mempunyai usaha dan keazaman menyebarkan Islam sampai ke tahap begini? Adakah kita sedar akan gelombang tsunami kristianisasi yang mendatangi secara senyap kepada kita, keluarga dan umat Islam di bumi Malaysia seluruhnya?

## H. Senario Status Bilangan Umat Islam Dan Kristian Di Malaysia

Berdasarkan taburan peratus penduduk mengikut agama di Malaysia pada tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia, penganut Islam berjumlah 61.3% dan Kristian pula 9.2% daripada keseluruhan penduduk Malaysia.




Jika kita memahami dan menghayati situasi dan strategi Kristian dalam menghadapi umat Islam seperti yang telah dibentangkan sebelum ini, kita tidak akan rasa senang hati dan selesa dengan statistik di atas.

Berdasarkan arus gerakan Kristian semasa dengan penglibatan evangelis antarabangsa dan pelbagai isu kebejatan sosial yang berlaku dalam masyarakat Islam

sekarang, agaknya adakah statistik di atas akan terus kekal begitu pecahan peratusannya? Adakah umat Islam semakin bertambah berdasarkan kadar usaha dakwah dan pengamalan Islam masa kini? Atau adakah Kristian bakal mendominasi peratusan agama yang dianuti di Malaysia?

Adakah dalam masa 80 tahun lagi peratusannya akan jadi begini?



Jika umat Islam terus alpa, mungkin ini ujian Allah yang akan menimpa kita. Situasi ini telah terbukti di Korea Selatan. Usaha keras gerakan Kristianisasi yang dimulakan sekitar tahun 1970an dan 1980an telah menukar landskap agama di sana. Kini selepas tempoh 40 tahun, jumlah penganut Kristian di Korea Selatan meningkat kepada 40%. Apa yang mengejutkan, mereka menjadi pengeksport mubaligh Kristian nombor dua di dunia!

Justeru, mengambil pengajaran dari situasi di Korea Selatan ini, wajar umat Islam di Malaysia meningkatkan muhasabah dan usaha untuk mempertahankan Islam dan akidah murni ini.

## I. Kajian Tentang Identiti Sosio Keagamaan Dan Kehidupan Melayu Kristian Malaysia

Kajian ini merupakan kajian peringkat ijazah doktor falsafah mengenai kehidupan masyarakat Melayu Kristian di Malaysia. Ia dilakukan mungkin untuk memahami secara mendalam tentang sifat dan susun atur sebenar kehidupan seorang Melayu yang telah murtad dan menganut ajaran

Kristian. Jika ini tujuannya, maka ia berbalik kepada strategi kontekstualisasi dan gerakan dalaman sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

Disertasi ijazah doktor falsafah ini dikemukakan oleh John Cheong pada September 2012. Kajian ini diserahkan di Intercultural Studies, Trinity International University, Deerfield, Illinois, Amerika Syarikat.

Antara hasil dapatan kajian ini adalah seperti berikut :



Apa yang tersirat di sebalik kajian ini yang kita sebagai Muslim perlu fahami?

Pembentukan *exit strategy* secara halus bagaimana untuk Melayu menganut ajaran Kristian tanpa dikesan oleh masyarakat Islam

Pembentukan satu set budaya Melayu Kristian yang menjadi identiti baru Melayu Kristian Malaysia

Pembentukan nilai-nilai tarikan baru yang boleh menjadi jambatan penghubung untuk menarik lebih ramai Melayu mendekati Kristian

Pembangunan strategi secara tersusun mengenai sosiobudaya Melayu untuk memudahkan pendekatan dakyah Kristian

Pembangunan program rintis ke arah perkaderan evangelis Kristian Melayu

## J. Politik Evangelis Dan *Rainbow Nation*

Dalam sebuah perhimpunan *Christian Federation Malaysia* (CFM) pada 17-20 Februari 1987, satu resolusi telah disepakati; penglibatan Kristian dalam arena politik Malaysia. Resolusi ini menuntut supaya lebih ramai ahli politik daripada kalangan pemimpin Kristian.

Apa yang mereka mahu daripada penyertaan dalam arena politik Malaysia ini?



Resolusi ini juga ada kaitannya dengan sebuah dekri yang dijumpai di Jerusalem untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Pelangi (*Rainbow Nation*).



*"We decree and declare that Malaysia will be a "Rainbow Nation" in sending missionaries to bring the gospel to the surrounding nations as well as be the gateway to open its doors to outside missionaries to preach the gospel here..."*

*Decree For Malaysia - Rainbow Nation* yang dijumpai dalam sebuah bas rombongan Kristian di Jerusalem

Ciri-ciri Negara Pelangi yang boleh difahami daripada dekri di atas :



Negara Pelangi ini bermaksud mempelbagaikan bangsa dan agama serta hak bangsa dan agama. Istilah *Rainbow Nation* digunakan oleh Kristian di Afrika Selatan dan telah diterima pakai oleh Presiden Nelson Mandela. Ia adalah metafora untuk menggambarkan Afrika Selatan yang baru membangunkan kepelbagaian budaya selepas ideologi pemisahan *Apartheid*.

Selain sebagai metafora dalam menjelaskan Malaysia terdiri daripada pelbagai lapisan kaum, bangsa dan agama yang hidup dalam keadaan harmoni ia juga boleh difahami dalam maksud yang lain. Jika dikaji secara terperinci, ia menunjukkan penganut Kristian seolah-olah mahu menjadikan semua agama di Malaysia setaraf dan sama rata. Ini jelas bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa Islam adalah agama Persekutuan.

## K. Cabaran Kristianisasi Terus Mendatangi Umat Islam. Bersedia atau Tidak?

Banyak lagi cabaran yang perlu diberi perhatian oleh umat Islam terhadap gerakan Kristianisasi selain daripada paparan dan huraian panjang lebar yang telah diterangkan sebelum ini.

### ❖ Cabaran dalaman Melayu Muslim

Paling utama sekali ialah cabaran dari dalam diri Melayu Muslim itu sendiri untuk bertindak balas dengan situasi:



Situasi ini adalah faktor penentu baru yang boleh mempengaruhi tindak tanduk Muslim di Malaysia.

### ❖ Cabaran fokus dakyah Kristian secara terus kepada umat Islam

- Pendekatan helah untuk berbaik-baik dengan Muslim

*“Friendships with Muslims are key to Muslims' understanding of the gospel and to our understanding of the world today. Muslims are hospitable and have a*

*rich, diverse culture and history. In addition, Muslims have many needs which should concern us as Christians. Respectfully expressing our faith in Jesus Christ can be a natural part of our friendships with Muslims. Muslims revere Jesus, and **more Muslims have become his followers in the last 30 years than in the previous 1250 years.**"*

Sumber: <http://www.encounteringislam.org/why-learn-about-muslims>

### **Terjemahan:**

*"Persahabatan dengan orang Islam merupakan kunci untuk orang Islam memahami Gospel dan kunci untuk kefahaman kita terhadap dunia kini. Orang Islam adalah sangat mesra dan memiliki kekayaan kepelbagaian budaya dan sejarah. Di samping itu, orang Islam memerlukan banyak keperluan yang sepatutnya kita sebagai orang Kristian beri perhatian. Penyampaian kepercayaan kita terhadap Jesus Christ secara penuh hormat boleh menjadi sebahagian hubungan persahabatan yang semula jadi dengan orang Islam. Muslim menghormati Jesus dan **telah ramai orang Islam menjadi pengikutnya sejak 30 tahun yang lalu berbanding 1250 tahun sebelumnya**".*

- Kepantasan gerak kerja evangelis

Islam bukanlah agama yang paling pesat berkembang di seluruh dunia. Sebaliknya evangelis agama Kristian yang paling pesat. ("Islam is not the world's fastest growing religion. Evangelical Christianity is!")

Sumber: <http://www.encounteringislam.org>

- Sasaran lokasi strategik Muslim

Kebanyakan orang Islam adalah bukan orang Arab dan kebanyakan mereka juga tidak tinggal di Timur Tengah (*Most Muslims are not Arabs, and most don't even live in the Middle East*).

Sumber: <http://www.encounteringislam.org>

- Penggunaan Jesus sebagai daya penghubung

*"Most Muslims are not radicals. In fact, they are deeply offended by the actions of radicals in the name of Islam.*

*Muslims respect Jesus as a prophet of God, born of a virgin, who performed many miracles and will come again. The Qur'an mentions Jesus 93 times, calling him the Messiah, the Word of God, the Spirit of God, and the All Righteous One."*

Sumber: <http://www.encounteringislam.org>

### **Terjemahan:**

*Kebanyakan orang Islam tidak radikal. Malah, mereka amat tersinggung dengan tindakan puak radikal atas nama Islam.*

*Orang Islam menghormati Jesus sebagai seorang Nabi yang diutuskan Tuhan, lahir daripada seorang yang suci, melakukan pelbagai mukjizat dan akan diutuskan semula. Al-Qur'an menyebut Jesus sebanyak 93 kali, memanggilnya sebagai al-Masih, firman Tuhan, roh Tuhan dan yang paling benar".*

- Tawaran peluang yang besar

*"Surely God is at work in the Muslim world! While one out of every three non-Christians is a Muslim, only one out of every ten missionaries works among Muslims. The opportunities are great."*

Sumber: <http://www.encounteringislam.org>

**Terjemahan:**

*"Sesungguhnya Tuhan sedang melaksanakan perencanaan terhadap dunia Islam. Walaupun satu daripada setiap tiga orang bukan Kristian adalah orang Islam, hanya satu per sepuluh mubaligh yang berkhidmat di kalangan orang Islam. Peluang ini adalah ganjaran yang besar."*

❁ Trend semasa pendekatan gerakan Kristian di Malaysia



## L. Kesimpulan

Agenda Kristian adalah agenda gerakan terancang yang amat licik dan penuh dengan strategi

Pemeriksaan usaha kontekstualisasi dan gerakan dalam kristianisasi untuk "menyusup di bawah radar"

Kecenderungan Kristian di Malaysia untuk menguasai arena politik dan kemungkinan menjadikan ia sebagai platform mengukuhkan kedudukan

Strategi terkini mereka kononnya untuk berbaik dan bersahabat dengan umat Islam tetapi dalam masa yang sama menasaskan penganut Islam perlu menerima ajaran Kristian

Keperluan membentuk daya gerakan umat Islam untuk menangkis arus gerakan agenda Kristian di semua peringkat



## BAB 5 : CADANGAN PENYELESAIAN DAN TINDAKAN UNTUK MENANGANI AGENDA KRISTIAN

Bab ini merupakan bab terpenting yang perlu diberi perhatian dalam memperkukuh kesatuan dan kekuatan pegangan umat Islam dalam menghadapi isu ini.

### A. Muhasabah Diri

Sebelum meletakkan apakah tindakan yang sepatutnya diambil, kita sebagai umat Islam perlu muhasabah diri dan melihat realiti umat dalam menghadapi cabaran agenda Kristian. Muhasabah boleh dilakukan berdasarkan turutan berikut:



Umat Islam juga dalam menghadapi agenda Kristian ini perlu menyemak status diri masing-masing sama ada :



## B. Fikir Dan Renungkan

- ❖ Masih mahu bersangka baik dengan gerakan evangelisme Kristian?
- ❖ Masih menganggap ini hanya propaganda dan cerita semangat yang dibawa orang politik?
- ❖ Masih melihat ini sebagai cerita popular orang politik yang ingin cari sokongan?
- ❖ Masih menganggap ini sebagai pembohongan dan cerita palsu yang direka-reka?
- ❖ Masih mahu berada di zon selesa dan yakin sepenuhnya tiada apa-apa yang mereka boleh lakukan?
- ❖ Masih mahu tunggu dan lihat sehingga ada ahli keluarga yang dimurtadkan baru nak tergadah?
- ❖ Masih mahu membela evangelisme Kristian sedangkan Allah telah nyatakan mereka akan selama-lamanya tidak redha kepada orang Islam?
- ❖ Masih mahu terus dengan ego politik sehingga meminggirkan kepentingan agama?

- ❖ Masih terlalu beriya-iya untuk menjaga hati bukan Islam sedangkan evangelis mereka sentiasa menunggu peluang "memurtadkan" umat Islam?
- ❖ Masih mahu berfikir menjaga kepentingan politik peribadi berbanding menjaga kepentingan agama?
- ❖ Masih mahu berfikir untuk mencari populariti daripada mahu mencari jalan mengatasi dakyah evangelisme?
- ❖ Masih mahu hanya menyerahkan tanggungjawab menghalang evangelisme kepada kerajaan dan institusi agama semata-mata tanpa ada rasa tanggungjawab sebagai Muslim dalam diri?
- ❖ Masih mementingkan perkara lain walau berhadapan dengan kepentingan menjaga akidah?
- ❖ Masih mahu terus kekal tiada rasa sensitif terhadap isu murtad?
- ❖ Masih tidak tahu apa yang perlu dilakukan?
- ❖ Siapa lagi yang akan mempertahankan Islam kalau bukan umat Islam sendiri?
- ❖ Siapa lagi yang akan menonjolkan keindahan Islam kalau bukan umat Islam sendiri?
- ❖ Siapa lagi yang akan bekerja dan berjuang untuk kemuliaan Islam kalau bukan umat Islam sendiri?

Renung semula semua firman Allah dan sabda Rasulullah SAW dalam Bab 1. Hayati dan fahamilah kehendaknya.

Adakah mahu terus mengikuti jejak langkah Nasrani dan Kristian, sejangkal demi sejangkal, sehasta demi sehasta, sehingga jika

mereka masuk ke lubang biawak pun akan kita mengikuti mereka? Ingatkah kita pada pesanan Rasulullah SAW ini?

Umat Islam wajib bangkit berhujah, melaksanakan tugas dan membuktikan kebenaran Islam kepada golongan Nasrani dan Kristian ini.

### C. Rangka Tindakan Asas Yang Boleh Diambil Oleh Setiap Individu Muslim

Asas panduan di bawah ini boleh digunakan oleh setiap individu Muslim untuk memulakan usaha islah ke arah penyatuan umat bagi mempertahankan kesucian akidah Islam dari dicero bohi agenda gerakan musuh:



### D. Tindakan Untuk Menghadapi Agenda Kristian

- ❖ Kerajaan Persekutuan
  - Memperkemas penerangan tentang Islam sebagai Agama Persekutuan
  - Mewartakan Akta Murtad
  - Memperkemas dan menyelaras penafsiran Perlembagaan Persekutuan agar tidak terdedah pada manipulasi dan huraian berdasarkan kepentingan pihak tertentu

- Mewujudkan dasar keharmonian antara Islam dan Kristian ke arah masyarakat majmuk yang harmoni
  - Meningkatkan elemen pendidikan seperti kempen dan program kepada masyarakat tentang kehidupan harmoni dalam masyarakat pelbagai kaum
  - Memperincikan perkara-perkara yang boleh menggugat ketenteraman awam termasuk usaha memurtadkan umat Islam
  - Memberi kuasa yang lebih besar kepada Mahkamah Syariah untuk mengendalikan hal ehwal umat Islam
  - Membentuk Jabatan Tindakan Khas untuk memantau dan mengatur strategi bagi mengatasi kristianisasi ke atas umat Islam
- ❖ Institusi Agama Islam/Institusi Agama Islam Negeri
- Mengetengahkan peranan Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam menjadi benteng pembelaan umat Islam
  - Mewartakan enakmen kawalan pengembangan agama dan melaksanakannya secara keseluruhan
  - Memperkemas dan meningkatkan upaya bahagian penguatkuasaan dalam membanteras agenda kristianisasi
  - Memperkasa institusi Mahkamah Syariah
  - Menggunakan pelbagai medium penyebaran seperti khutbah Jumaat untuk mendedahkan situasi sebenar masalah kristianisasi di kalangan umat Islam
  - Memperkukuh bahagian dakwah yang berefikasi dan lengkap dengan prosedur menangani dakyah Kristian

- Merangka modul pendidikan khas untuk sekolah agama berkaitan kesedaran kristianisasi
- Menjalankan kajian terperinci berkaitan usaha evangelisme kristianisasi di Malaysia dan menyediakan menu tindakan yang tepat untuk rujukan pihak berkepentingan termasuk masyarakat
- Menambahkan peruntukan untuk kerja-kerja dakwah dan sukarelawan menangani kristianisasi serta peruntukan untuk pemulihan muallaf
- Mewujudkan pembelaan dan penjagaan yang lebih mendalam terhadap golongan muallaf
- Memanfaatkan pengetahuan muallaf untuk memperkukuh usaha dakwah bukan Muslim khususnya Kristian
- Menyediakan peruntukan dan mengadakan program pendedahan agenda Kristian sedunia yang bermatlamat mengkristiankan penganut agama lain dan Islam

#### ❁ Institusi Pengajian Islam

- Menggerakkan kajian secara praktikal bagaimana untuk berhadapan dengan evangelis Kristian
- Menyediakan pakar dalam bidang pengajian Kristian dan perbandingan agama
- Melahirkan pakar-pakar dalam bidang dakwah kepada golongan Kristian
- Menjalankan penyelidikan tentang cara terbaik menangani usaha kristianisasi ke atas Muslim

- Menjalankan penyelidikan (pendekatan psikologi) tentang kecenderungan Kristian untuk membantu usaha dakwah
- Menjalankan penyelidikan tentang cara dan prosedur menangani pesalah murtad
- Menjadi pusat kecemerlangan ilmu Islam yang ulung yang mampu menggerakkan peranan penyediaan hujah yang bernas untuk menyucikan akidah Nasrani/Kristian

❁ Ahli politik Muslim

- Menggerakkan idealisme perjuangan kesucian akidah umat Islam
- Menggerak dan melaksanakan usaha perpaduan atas dasar Islam
- Membina kesepaduan dalam membela isu akidah umat Islam
- Merangka agenda dan hala tuju parti untuk membela akidah umat Islam
- Menggerakkan kesepaduan tindakan di Parlimen untuk menyokong undang-undang yang membela akidah Islam

❁ Pertubuhan NGO Islam

- Mengukuhkan komitmen dan perpaduan serta bersatu membentuk kumpulan pendesak Islam yang kukuh
- Membangunkan NGO Islam yang kompeten yang berperanan khusus mengatasi strategi, melakukan risikan dan berdakwah kepada gerakan Kristian

- Membina imej sebagai *front* Islam yang digeruni pihak Kristian segi kemampuan ilmu, kemahiran, kepekaan dan kejituan dalam menyanggah sebarang usaha kristianisasi di pelbagai peringkat
- Membina kesepakatan di kalangan NGO peguam Muslim untuk menangani taktik yang digerakkan melalui usaha perundangan
- Menjadi *feeder* kepada kerajaan dan institusi agama untuk menghadapi dakyah Kristian
- Mewujudkan saluran dana sumbangan umat Islam untuk menangani gerakan kristianisasi
- Mendalami isu kristianisasi di lapangan dan bekerjasama dengan institusi agama Islam serta institusi pengajian Islam untuk menyediakan pelan bertindak yang komprehensif

#### ❁ Gerakan Belia

- Menggerakkan aktiviti berbentuk keIslaman untuk memperkukuh generasi belia Muslim dengan pegangan Islam
- Mengaktifkan peranan persatuan mahasiswa Islam di universiti/kolej universiti/kolej swasta/institusi pengajian untuk menjadi benteng dan peneraju agenda Islam di kalangan belia
- Menggerakkan kempen kesedaran bahaya gerakan kristianisasi
- Mengaktifkan kelompok belia atau gerakan belia Islam yang menjadi penggerak kalangan belia berkaitan kesedaran Islam

- Meningkatkan kerjasama dengan NGO dan institusi Islam untuk mempelbagaikan cara membina generasi belia contoh
- Mewujudkan kumpulan belia masjid atau surau yang aktif di setiap kampung atau kawasan perumahan untuk menjaga dan mengetahui perkembangan semasa belia setempat

❁ Pendakwah Islam

- Mengetengahkan isu kristianisasi dalam majlis ilmu sebagai pelengkap kuliah sedia ada
- Menyampaikan kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya gerakan kristianisasi
- Menghidupkan jiwa dakwah dalam diri pendengar untuk membalas taktik Kristian secara dakwah Islam
- Menyediakan isi penyampaian dan slot berkaitan kristianisasi
- Menyebarkan cara dan idea kepada masyarakat bagaimana untuk membina jati diri muslim yang kukuh

❁ Umat Islam dan individu muslim

- Menanam kepekaan dan keprihatinan yang tinggi terhadap usaha kristianisasi dan gejala murtad
- Menghadapi gerakan kristianisasi secara berilmu, berjemaah dan berdiplomasi
- Mengambil tahu dan meningkatkan ilmu tentang taktik dan gerakan terkini mereka
- Membina kemampuan untuk berkata tidak apabila

dihampiri oleh kelompok evangelis dan berwaspada dengan tindak tanduk mereka

- Mengajak mereka berdialog (jika ada kepakaran) dan menyebarkan dakwah Islam kepada mereka
- Melaporkan kepada pihak berkuasa agama dengan segera jika dapat mengesan usaha dan gerakan kristianisasi
- Membina benteng diri dan menjaga individu dalam lingkungan tanggung jawab dari pencerobohan anasir kristianisasi

## E. Kesimpulan Pegangan Dan Pendirian

- ❖ Islam adalah Agama Persekutuan yang perlu dihormati oleh semua pihak dan memahami implikasinya.
- ❖ Sedar dengan tuntutan *waqi'* Malaysia yang majoritinya umat Islam. Sensitiviti umat Islam sewajarnya tidak dicabar oleh kumpulan agama yang minoriti seperti Kristian.
- ❖ Umat Islam perlu memahami tuntutan daripada kesimpulan dalil-dalil nas dan hadis tentang sifat sebenar Nasrani/Kristian. Siapa lagi yang hendak bertegas menjaga kesucian agama Allah kecuali hamba Allah yang memahami tuntutan dalam pegangan akidahnya.
- ❖ Perkukuhkan ikatan kesatuan umat atas agama Allah yang satu dan jauhilah perpecahan kerana ia adalah racun yang membunuh kekuatan umat.
- ❖ Waspada dengan taktik, cubaan dan strategi gerakan evangelisme Kristian yang sentiasa tidak reda dan berusaha untuk menghancurkan Islam selagi umat Islam tidak mengikut jejak langkah mereka.
- ❖ Elakkan kepentingan tertentu dalam menangani isu ini. Lupakan segala-galanya demi kepentingan dan masa depan agama.
- ❖ Pelihara keluhuran Perlembagaan Persekutuan yang telah mempasak Islam sebagai Agama Persekutuan. Orang bukan Islam tidak berhak untuk mencemari peruntukan ini.
- ❖ Fikirlah dengan penuh hikmah dan dengan jiwa yang tulus untuk melihat peranan dan tanggungjawab umat Islam dalam menangani isu murtad demi membentuk

kekuatan umat sekaligus menggerunkan musuh dan menjinakkan hati *mad'u* yang ingin memahami Islam.

- ❖ Hadapilah serangan musuh Islam dengan kebijaksanaan bukan hanya dengan emosi. Kebenaran Islam pasti terserlah.
- ❖ Pergiatkan dan lestarikan usaha dakwah Islam untuk menyebarkan Islam kepada seluruh umat manusia kerana Islamlah yang tertinggi dan tiada lagi agama yang lebih mulia daripadanya.

## F. Penutup

Kami umat Islam di Malaysia tidak mahu memusuhi penganut agama Kristian. Islam mengajar kami untuk menyampaikan rahmat ke seluruh alam.

Namun, kami merasa terganggu oleh tindakan evangelis Kristian yang cuba memurtadkan umat Islam. Kami juga rasa tidak tenteram apabila kumpulan atas nama Kristian bersungguh-sungguh berjuang membela pihak yang murtad malah membantu mereka memudahkan urusan murtad atas nama kebebasan agama dan hak asasi individu. Di dalam Islam, hak Allah adalah hak yang utama. Kami sebagai Muslim wajib mempertahankannya.

Marilah bersama kami di atas jalan kebenaran. Jalan menuju keredhaan Allah, Tuhan sekalian alam.